




24

Gomez, Adriano sedia 'sengat' Tok Gajah



8

Melaka benarkan 50 jemaah
solat fardu di masjid

MHI mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua pembaca yang beragama Islam

Rakyat diutamakan

- ✓ Sulaiman gariskan enam perkara kepada penjawat awam Melaka
- ✓ Rungutan rakyat perlu diambil serius
- ✓ Buka 72 PPV bagi capai sasaran 14,660 rakyat divaksin setiap hari
- ✓ Melaka sasar 180,000 pekerja kilang divaksin
- ✓ Penjawat awam Melaka sentiasa komited bantu rakyat 2,3&4



**MOVAK diperluaskan,
mudahkan rakyat
terima vaksin** 7



Enam ‘ingatan’ untuk penjawat awam Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERI NEGERI - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menggariskan enam perkara mustahak kepada penjawat awam di negeri ini.

Perkara itu disampaikan menerusi Majlis Amanat Penjawat Awam Julai 2021 yang disiarkan secara dalam talian dan dilayari penjawat awam negeri ini, pada 16 Julai lepas.

Ia disiarkan melalui Facebook rasmi Sulaiman Md Ali, Kerajaan Negeri Melaka dan Melaka Hari Ini.

Antara enam intipati yang ditekankan beliau merangkumi usaha menangani pandemik COVID-19, menguruskan bantuan kepada rakyat secara lebih efektif serta meningkatkan kualiti perkhidmatan awam.

MENDEPANI COVID-19 DI MELAKA

Beliau berkata, perkara pertama ialah mendepani pandemik COVID-19 yang semakin meruncing sehingga Melaka pernah mencatatkan lebih 800 kes harian sebelum ini.

Menurutnya, pelbagai langkah pencegahan telah diambil kerajaan negeri termasuk menghentikan kluster berkaitan kilang yang menjadi penyumbang terbesar.

“Selain itu, kerajaan negeri turut menggiatkan proses suntikan vaksin kepada rakyat dengan membuka keseluruhan 72 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) untuk orang awam dan juga pekerja industri.

“Usaha ini dapat meningkatkan kapasiti suntikan vaksin daripada 7,800 penerima kepada 14,660 suntikan sehari,” katanya.

PERCEPAT BANTUAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KEPADA RAKYAT

Selain itu, Sulaiman turut menyentuh usaha mempercepatkan bantuan Paket Rangsangan Ekonomi Melaka kepada rakyat.

Jelasnya, sebanyak 60 inisiatif berjumlah RM174.53 juta dalam paket tersebut yang perlu sampai kepada rakyat sehingga ke peringkat akar umbi.

Beliau turut mengingatkan semua penjawat awam agar memandang serius segala rungutan dan teguran yang diterima bagi memastikan rakyat dilayan sebaik mungkin.

“Sungguhpun saya menerima banyak respon positif di media sosial tentang paket ini, namun terdapat juga segelintir komen, yang menegur aspek penyampaian bantuan.

“Ada agensi yang bila dihubungi banyak kali, tetapi tidak berjawab.

“Jadi, saya pinta kepada semua agensi dan penjawat awam di Melaka agar, tolong beri perhatian, ambil serius akan hal-hal pelaksanaan sebegini.

“Selepas ini, saya tidak mahu lagi dengar rungutan-rungutan sebegini. Dalam waktu sekarang ini, semampu boleh, kita tolong semua orang yang meminta bantuan,” katanya.

“Dalam waktu sekarang ini, semampu boleh, kita tolong semua orang yang meminta bantuan”

PERKASA KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

Sulaiman juga meminta kualiti penyampaian penjawat awam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 diperkasakan.

Katanya, semua penjawat awam perlu mengamalkan tonggak 5K iaitu, perhebatkan Komunikasi dan Kolaborasi serta Koordinasi supaya Kompetensi meningkat dan Kongsi Matlamat Bersama, dalam tempoh sukar ini.

“Arahan Bekerja Dari Rumah (BDR), tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak memberikan kualiti perkhidmatan terbaik. BDR bukan mengurangkan kualiti, bahkan cabaran lebih menambah mutu penyampaian perkhidmatan,” katanya.

MENDIGITALISASI DALAM NORMA BAHRU

Dalam suasana norma baharu ketika ini, beliau turut menekankan aspek digitalisasi dalam mempermudahkan segala urusan rakyat.

Sulaiman berkata, pelbagai inisiatif dilaksanakan kerajaan negeri bagi memudahkan urusan secara

dalam talian antaranya berinovasi melalui platform Melaka Pay yang boleh diakses melalui telefon pintar untuk 22 jenis perkhidmatan.

“Contohnya, urusan pembayaran cukai dan bil utiliti, tidak dihadkan di kaunter pejabat kerajaan sahaja.

“Malah kini, boleh diakses secara atas talian melalui e-Bayar, yang menyediakan 38 perkhidmatan atas talian kepada pelanggan.

“Kerajaan negeri akan terus melihat peluang pembangunan perkhidmatan secara dalam talian yang lebih efisien dan mesra pelanggan, misalnya, melalui pembangunan Melaka Digital Command Centre,” katanya.

MEMBUDAYAKAN INTEGRITI

Aspek pembudayaan integriti turut menjadi antara perkara yang perlu dititikberatkan.

Jelas Sulaiman, penjawat awam perlu mematuhi segala peraturan yang ditetapkan dalam mengendalikan dokumen rasmi kerajaan, khususnya berkaitan kerahsiaan dokument yang lazimnya dipantau Unit Integriti, Jabatan Ketua Menteri Melaka.

“Sememangnya, kerajaan negeri seri dalam memastikan aspek integriti menjadi keutamaan dalam setiap proses dan urusan kerajaan negeri.

“Dengan pelantikan pegawai integriti di setiap jabatan dan agensi kerajaan, pegawai ini diberikan latihan khusus di bawah Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO),” ujarnya.

MENGHARGAI FRONTLINERS DAN BENTENG NEGARA

Penghargaan kepada petugas barisan hadapan (*frontliners*) men-

jadi perkara terakhir disentuh Sulaiman dalam amanatnya kepada penjawat awam.

Beliau berkata, sejak pandemik COVID-19 melanda, petugas barisan hadapan telah bertindak sebagai benteng kerajaan dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar dan penyampaian yang efisien kepada rakyat.

“Saya merasai keperitan dan tugas berat ‘frontliners’. Dikala kes COVID-19 masih tinggi, mereka semua terdedah dengan risiko jangkitan dan terpaksa bertungkus-lumus, membantu pesakit yang dijangkiti.

“Terima kasih kepada semua frontliners Negeri Melaka, khususnya dalam berjuang melawan COVID-19.

“Saya percaya, setiap keringat dan bakti yang tuan-tuan dan puapan curahkan, pasti akan dikurniakan ganjaran setimpal daripada yang Maha Esa,” katanya.

Pada masa sama, beliau turut merakamkan penghargaan kepada 1,707 penjawat awam negeri Gred 29 ke atas yang bersetuju melakukan pemotongan eluan Imbuhan Tetap Keraian (ITK) dan Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) berjumlah RM78,000 sepanjang Julai hingga September ini.


Tidak cukup dengan itu, beliau bersama ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka (MMKN) juga turut memotong 10 peratus gaji bermula Januari sehingga Disember ini dengan jumlah keseluruhan RM102,000.

“Kesemua pemotongan eluan

dan gaji itu akan disalurkan ke Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana Negeri Melaka, bagi membantu rakyat yang terkesan akibat wabak COVID-19,” katanya lagi.

WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19 JULAI 2021	5.58 am	7.11 am	1.20 pm	4.44 pm	7.26 pm	8.40 pm
20 JULAI 2021	5.58 am	7.11 am	1.20 pm	4.44 pm	7.26 pm	8.40 pm
21 JULAI 2021	5.58 am	7.11 am	1.20 pm	4.43 pm	7.26 pm	8.40 pm
22 JULAI 2021	5.58 am	7.11 am	1.20 pm	4.43 pm	7.26 pm	8.40 pm
23 JULAI 2021	5.58 am	7.11 am	1.20 pm	4.43 pm	7.26 pm	8.40 pm
24 JULAI 2021	5.59 am	7.11 am	1.20 pm	4.43 pm	7.26 pm	8.39 pm
25 JULAI 2021	5.59 am	7.11 am	1.20 pm	4.43 pm	7.26 pm	8.39 pm



PEGAWAI Khidmat Pelanggan (Bahagian Komunikasi Korporat) Zaifareny Mohamed mendengar ucapan Sulaiman pada Amanat Penjawat Awam Julai 2021 secara maya di Auditorium Seri Negeri, Ayer Keroh, baru-baru ini.

(FOTO MR. Azli)

Rungutan rakyat perlu diambil serius – KM

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SEMUA penjawat awam di negeri ini disarankan mempercepatkan khidmat dan penyampaian Pakej Rangsangan Ekonomi Melaka.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menyuarakan perkara itu berikutan terdapat rungutan daripada sejumlah rakyat yang menegur aspek penyampaian bantuan apabila nombor yang dihubungi tidak dijawab, selain berdepan situasi pejabat ditutup.

"Sungguhpun saya menerima banyak respon positif di media sosial tentang pakej ini, namun terdapat juga sejumlah komen yang menegur aspek penyampaian bantuan.

"Antaranya netizen seperti Encik Rosli, Bro Maei, Isma dan Encik Fong, mengatakan bahawa, ada agensi yang bila dihubungi banyak kali, tetapi tidak berjawab panggilannya," katanya.

Malah, Sulaiman berkata, ada juga rakyat yang datang ke pejabat agensi, tetapi tutup selain yang susah untuk dapatkan bantuan kerana kerentan

“Saya pinta kepada semua agensi dan penjawat awam di Melaka agar, tolong beri perhatian, ambil serius akan hal-hal pelaksanaan sebegini **”**

biokrasi.

"Jadi, saya pinta kepada semua agensi dan penjawat awam di Melaka agar, tolong beri perhatian, ambil serius akan hal-hal pelaksanaan sebegini.

"Selepas ini, saya tak mahu lagi, dengar rungutan-rungutan sebegini. Dalam waktu sekarang ini, semampu boleh, kita tolong semua orang yang meminta bantuan," kata-

Meskipun begitu, di sebalik rungutan itu, beliau memaklumkan daripada keseluruhan 60 inisiatif berjumlah RM174.53 juta di bawah pakej rangsangan itu, ada di antara inisiatif tersebut telah disalurkan kepada

rakyat.

Antara yang telah diajukan termasuklah bantuan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) yang mana lapan daripada 13 inisiatif telah disalurkan kepada rakyat dengan jumlah keseluruhan RM3.3

"Selain itu, bagi Dana Kasih Niaga, iaitu bantuan disediakan kepada peniaga kecil sebanyak RM1,000, sebanyak 450 pemohon telah diluluskan daripada 781 permohonan yang diterima.

"Untuk 301 permohonan yang tidak lengkap pula, saya sarankan, dilengkappkan dengan segera, supaya dapat diangkat semula untuk diluluskan," tambahnya.



SULAIMAN ketika menyampaikan Amanat Penjawat Awam Julai 2021 yang disiarkan secara dalam talian melalui Facebook rasmi Sulaiman Md Ali, Kerajaan Negeri Melaka Hari Ini, baru-baru ini.

14,660 rakyat Melaka bakal terima vaksin setiap hari

SERAMAI 14,660 rakyat negeri ini bakal disuntik setiap hari dalam usaha mempercepatkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kapasiti itu melonjak hampir 50 peratus berbanding 18 Jun

lepas yang hanya mampu memberi suntikan kepada 7,800 orang sehari.

"Saya yakin dengan tindakan pantas mempercepatkan proses vaksinasi kepada rakyat ini, InsyaAllah dalam beberapa bulan lagi, matlamat imuniti kelompok 80 peratus atau herd immunity dapat kita capai sea-

wal mungkin," katanya.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, setakat ini sebanyak 72 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) telah dibuka di negeri ini membabitkan 15 PPV awam, tiga PPV hospital awam (SPPV), 46 PPV General Practitioner (PPVGP), empat PPV Hospital Swas-

ta dan satu PPV swasta iaitu Encore.

Sulaiman berkata, empat masjid dijadikan tempat PPV yang akan beri manfaat kepada 14,660 rakyat Melaka.

Mengulas lanjut, Penasihat Agama beliau, Datuk Kamarudin Sidek berkata hanya ruang seperti

bilik mesyuarat atau bilik-bilik lain di luar akan dijadikan tempat vaksin.

Empat masjid tersebut adalah Masjid Al Alami MITC, Masjid Ar Rahman Tanah Merah, Krubong, Masjid Jamek Ar Rahman Kampung Pulai, Jasin dan Masjid Tun Khalil, Asahan.

Elaun penjawat awam Gred 29 ke atas dipotong Bantu rakyat terkesan pandemik COVID-19

KERAJAAN negeri melaksanakan pemotongan elauan Imbuhan Tetap Keraian (ITK) dan Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) melibatkan 1,707 penjawat awam di negeri ini.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, inisiatif itu membabitkan penjawat awam negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Badan Berkunun Negeri dari Gred 29 ke atas.

"Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua penjawat awam Negeri Melaka atas pemotongan elauan ITK dan ITKA.

"Inisiatif ini membabitkan

jumlah keseluruhan sumbangan bernilai RM78,000 bagi tempoh Julai 2021 sehingga September 2021," katanya.

Dalam pada itu, Sulaiman minta semua penjawat awam di Melaka menjadi 'tangan kanan' dan 'tangan kiri' berserta benteng kerajaan dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar sampai kepada rakyat.

"Para penjawat awam boleh menggunakan platform media sosial untuk membantu kerajaan memberi penerangan tentang dasar dan usaha-usaha kerajaan menangani wabak berbahaya ini."

"Selain menangkis tuduhan-tuduhan tidak berasas yang disebarluaskan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab," katanya.

Tambahnya Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka (MMKN) juga memotong 10 peratus gaji dari Januari sehingga Disember 2021 sebanyak RM102,000.

"Kesemua pemotongan elauan dan gaji tersebut akan disalurkan ke Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana Negeri Melaka bagi membantu rakyat Melaka yang terkesan akibat wabak COVID-19," katanya.

Melaka perlu rekod kes harian bawah 114 kes untuk beralih fasa PPN

MELAKA perlu merekodkan kes harian COVID-19 di bawah 114 untuk beralih ke Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, buat masa ini Melaka masih berada dalam fasa pertama dan perlu menepati antara tiga indikator yang ditetapkan kerajaan.

"Pada 15 Jun 2021 lalu pula, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan PPN sebagai strategi peralihan untuk keluar secara berfasa dari kemelut pandemik COVID-19 ini.

"Suka atau tidak, daripada empat fasa yang diumumkan itu, Melaka masih lagi dalam fasa pertama.

"Di antara tiga indikator yang ditetapkan antaranya, kita perlu merekodkan jumlah positif harian COVID-19 di bawah 114 kes, untuk beralih ke fasa kedua," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru semua penjawat awam agar terus berdisiplin, mematuhi segala SOP dan mengambil segala langkah, bagi membolehkan kes COVID-19 diturunkan secepat mungkin, sekali gus membantu Melaka bergerak ke fasa berikutnya.

Melaka sasar 180,000 pekerja kilang divaksin

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KERAJAAN Melaka menyasarkan seramai 160,000 hingga 180,000 pekerja industri pembuatan di negeri ini divaksin bermula bulan ini.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menjelaskan, sasaran itu dibuat susulan bermulanya Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS), hasil kolaborasi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), baru-baru ini.

Katanya, bagi mempercepatkan pemberian vak-

sin sebanyak tiga Pusat Pemberian Vaksin (PPV) industri telah dibuka di Texas Instruments, Infineon dan Bayou Lagoon.

Selain itu, turut dibuka adalah dua lagi PPV industri yang memfokus kepada Kawasan Perindustrian Cheng dan Krubong serta Kawasan Perindustrian Alor Gajah pada awal bulan depan.

"Kerajaan Melaka telah memohon pertimbangan agar MITI memperluaskan program PIKAS ini ke sektor lain seperti pembinaan, hotel dan perladangan, bagi mempercepatkan proses imunisasi kepada semua warga pekerja industri di negeri ini," katanya.



SULAIMAN (tengah) meninjau PIKAS di Texas Instrument, Batu Berendam, pada 12 Julai lalu.

Manfaatkan BDR sepenuhnya

Liana Sahabudin

ARAHAN Bekerja Dari Rumah (BDR) tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak memberikan kualiti perkhidmatan terbaik.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata BDR bukan mengurangkan kualiti, bahkan cabaran menambah mutu penyampaian perkhidmatan.

"Perlu diingat kemudahan BDR dalam Pekeliling Perkhidmatan perlu digunakan secara terkawal. BDR tidak boleh disalahgunakan, mereka yang tidak mematuhi peraturan boleh dikenakan tindakan tegas.

"Kepada mereka yang bekerja di

pejabat pula perlu lebih komited dengan tugas. Pastikan mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Gunakanlah pancaindera dan deria kita supaya lebih peka dengan apa yang berlaku di sekeliling, contohnya jika rakyat perlukan perkhidmatan, kita cepat-cepat bantu dan permudahkan," katanya.

Ujarnya, jika ada rakyat yang susah dalam situasi sekarang, mereka perlu cepat dibantu atau laporkan pada pihak berkenaan.

"Dalam situasi sekarang jika

ada yang susah, lekas-lekas kita bantu atau laporkan kepada pihak berkenaan atau kerajaan negeri supaya mereka boleh ditolong dengan segera.

"Misalnya, dalam kejadian banjir kiat yang berlaku di beberapa kawasan di Melaka baru-baru ini, saya harap agar kita dapat pertingkatkan lagi koordinasi dan penyelarasannya dalam kalangan sesama agensi yang terlibat.

"Ini supaya pengurusan sebegini menjadi lebih efisien, terutama ketika menangani kejadian-kejadian serupa pada masa akan datang," katanya.

Kena peka, mahir untuk bantu rakyat – Penjawat awam

Farah Suhaidah Othman

SERI NEGERI – Penjawat awam di negeri ini sentiasa komited dan bersiap sedia dalam apa jua keadaan untuk memudahkan urusan kerajaan dan rakyat.

Demi memastikan perkara itu dicapai, Ketua Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Shamsudin Sharif berkata beliau sebagai ketua jabatan, perlu memastikan prestasi perkhidmatan kakitangan awam dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Katanya, meskipun ada kalangan penjawat awam yang bekerja dari rumah (BDR), namun setiap penjawat awam di bawah kendaliannya perlu bersedia setiap masa mendeplani arahan apabila diarahkan.

"Penjawat awam mempunyai mekanisme tertentu bagi kakitangan yang BDR, antaranya termasuk menggunakan medium komunikasi yang ada seperti 'Google Meet', aplikasi WhatsApp maupun 'zoom meeting'."

"Saya akan pastikan mereka ini mendaftar masuk dan keluar menerusi atas talian mengikut waktu operasi bekerja supaya semua kakitangan saya memenuhi keperluan perkhidmatan awam sebagaimana dinyatakan Ketua Menteri," katanya.

Sementara itu, Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dalam amanatnya turut meminta semua penjawat awam memainkan peranan dengan menghebah serta menyebarkan segala tindakan yang telah dilaksanakan dalam usaha menghentikan penularan wabak di negeri ini.

Bagi Pegawai ICT, Mohd Mohairi Mahmud, berkata bagi memudahkan urusan rakyat, dia sebagai penjawat awam bertanggungjawab untuk memaklumkan saluran yang betul untuk keselesaan rakyat.

"Mana-mana maklumat tidak sah yang tular (viral), saya sendiri akan berkongsi berita yang sah daripada maklumat yang betul menerusi jabatan atau agensi kerajaan," katanya.


Pegawai Khidmat Pelanggan, Nor Afizah Jamil pula berkata, penjawat awam perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan digital supaya membantu untuk mempercepatkan urusan orang ramai.

"Kalau dahulu, jika hendak selesaikan satu perkara, kita perlu masuk ke pejabat sebab perlu mencetak dokumen dan sebagainya, tetapi sekarang kita perlu mahirkan diri dengan aplikasi digital."

"Penjawat awam perlu cabar diri dua langkah ke hadapan dalam apa jua situasi supaya kita dapat mempertingkatkan dan menambah baik perkhidmatan kepada rakyat," katanya.



SHAMSUDIN



KESELURUHAN TERDAPAT 72 PUSAT PEMERIAN VAKSIN (PPV) BERIKUT 23 LOKASI PPV > SEMUA DAERAH

- 1 BAYOU LAGOON
- 2 KOMPLEKS SUKAN MASJID TANAH
- 3 TEXAS INSTRUMENT
- 4 INFINEON TECHNOLOGIES
- 5 YAYASAN TOH PUAN ZURINA
- 6 ENCORE
- 7 DEWAN MPJ HJ. AHMAD ITHNIN MERLIMAU
- 8 DEWAN JAPERUN AYER MOLEK
- 9 DEWAN MMU
- 10 HOSPITAL MELAKA
- 11 DEWAN TAMING SARI, UITM LENDU
- 12 DEWAN MPJ ALAMANDA JASIN
- 13 DEWAN HANG TUAH
- 14 DEWAN JAPERUN SUNGAI UDANG
- 15 HOSPITAL JASIN
- 16 DEWAN BUNGA TANJUNG
- 17 DEWAN JAPERUN KLEBANG
- 18 DEWAN TUN ALI
- 19 HOSPITAL ALOR GAJAH
- 20 DEWAN MBMB TAMAN BERTAM JAYA
- 21 DEWAN CREATE
- 22 DEWAN CTRM
- 23 DEWAN MPHTJ BUKIT BERUANG

SELAMAT

Hari Raya Aidiladha

20 Julai 2021 Bersamaan
10 Zulhijjah 1442 Hijrah



MELAKAKU MAJU JAYA,
RAKYAT BAHAGIA,
MENGHAMIT DUNIA

SETULUS IKHLAS DARIPADA,

**YAB DATUK SERI UTAMA
HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

DAN
AHLI-AHLI EXCO, AHLI-AHLI
DEWAN UNDANGAN NEGERI,
&
SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN
KERAJAAN NEGERI MELAKA



Jangan rentas negeri sambut Aidiladha – TPM



ISMAIL Sabri

KUANTAN – Orang ramai diingatkan supaya tidak merentas daerah dan negeri untuk menyambut Aidiladha, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata pertambahan kes dan kluster akibat rentas negeri ketika menyambut Aidilfitri pada Mei lepas perlu dijadikan iktibar kepada semua pihak.

"Rentas daerah dan negeri dalam Fasa Satu dan Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) masih belum dibenarkan, dan kebanyakan negeri masih berada dalam Fasa Dua.

"Saya harap masyarakat ambil iktibar daripada kejadian Aidilfitri, meskipun rentas negeri tidak dibenarkan masih ada yang ingkar sehingga

"Saya harap masyarakat ambil iktibar daripada kejadian Aidilfitri, meskipun rentas negeri tidak dibenarkan masih ada yang ingkar sehingga kes memuncak naik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya mengenai mesej tular rentas daerah dan negeri dibenarkan sempena Aidiladha selepas melawat pusat pemberian vaksin di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, di sini baru-baru ini.

Turut hadir Menteri Besar Pahang Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, Setiausaha Kerajaan Pahang Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak dan Timbalan Ketua Polis Pahang Datuk Mohd Yusri Hassan Basri.

Dalam pada itu, Ismail Sabri yang juga Menteri Pertahanan mengingatkan orang ramai agar tidak menggunakan lorong-lorong tikus untuk cuba pulang ke kampung.

"Kita boleh lepas daripada polis tapi mungkin tidak lepas daripada jangkitan COVID-19. Justeru, kita juga kita, buat kawalan kendiri, tolong jangan rentas negeri dan daerah. Jika dah capai imuniti kelompok, mungkin kita dah boleh rentas negeri selepas itu, jadi sabar," katanya. - BERNAMA

Peluang beralih Fasa 2 PPN masih samar - Ghafaar

SERI NEGERI – Peluang untuk Melaka beralih ke Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) masih samar berikutan belum berupaya memenuhi tiga indikator ditetapkan.

Pengerusi Jawatankuasa Khas Menangani COVID-19 Melaka, Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, antara indikator yang masih jauh untuk dicapai ialah kapasiti penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) yang masih di tahap kritisik.

Selain itu, katanya, jumlah kes

harian di negeri ini juga tidak menunjukkan penurunan ketara dan masih berada pada tahap tiga angka.

"Hanya satu sahaja indikator yang kita dah capai iaitu dari segi pemberian vaksin yang telah melalui syarat ditetapkan.

"Tapi dari segi ICU dan kes harian masih jauh lagi. Jadi, susah untuk kata bila kita akan beralih ke Fasa 2 PPN dengan keadaan sekarang.

"Apapun, di pihak kerajaan negeri kita telah membuat pelbagai kawalan termasuklah melaksana-

kan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bersasar di kilang-kilang yang menjadi antara penyumbang terbesar kes di negeri ini," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Dalam pada itu, mengulas mengenai Varian Delta yang kini sudah menular di hampir ke semua negeri termasuk Melaka, Abdul Ghafaar berkata, situasi membimbangkan itu masih boleh dikawal sekiranya masyarakat tidak mengambil mudah ancaman virus berkenaan.

Justeru, beliau meminta ra-

kyat negeri ini memainkan peranan bersama dengan mematuhi SOP dan mengelakkan tempat yang sesak bagi menjaga keselamatan bersama.

"Kita perlu ada sifat curiga dan takut, barulah kita boleh menjaga keselamatan diri dan orang lain.

"Sekarang, kita perlu hidup dengan COVID-19 kerana virus ini akan tetap ada dan paling penting adalah perlu mendapatkan vaksin untuk menguatkan imunisasi badan," katanya lagi.



ABDUL Ghafaar

Warga emas belum terima vaksin Disaran hubungi Bilik Gerakan Vaksin - Rahmad

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Warga emas berusia 60 tahun ke atas yang belum mendapat vaksin disaran menghubungi Bilik Gerakan Vaksin Negeri dan Daerah secepat mungkin.

Exco Kesihatan, Datuk Rahmad Mariman berkata, ia berikutan data menunjukkan masih ada golongan berkenaan yang sepatut-

nya divaksin pada Fasa 2 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), belum menerima.

Katanya, orang ramai boleh menghubungi Bilik Gerakan Vaksin Jabatan Kesihatan Negeri Melaka di talian 06-2356876 atau 06-2930164.

"Bagi daerah Melaka Tengah, mereka boleh menghubungi Bilik Gerakan Vaksin Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Melaka Tengah di talian 013-2077332 atau 06-2823760.

"Sementara bagi penduduk di daerah Alor Gajah boleh menghubungi PKD Alor Gajah di talian 011-64690452, manakala bagi penduduk daerah Jasin boleh menghubungi PKD Jasin di talian 014-3223623 atau 06-5291926," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, Rahmad berkata, setiap penerima yang layak hanya perlu menyertakan maklumat lengkap seperti nama, alamat, nombor telefon, jenis penyakit dan ID MySejahtera sahaja.

"Bagi penerima yang terlantar di rumah, boleh juga menelpon Bilik Gerakan untuk diaturkan lawatan ke rumah secara berjadual oleh pasukan bergerak (mobile) dari Jabatan Kesihatan Negeri," katanya lagi.



RAHMAD

SENARAI NOMBOR TELEFON BILIK GERAKAN VAKSIN NEGERI DAN DAERAH

- BILIK GERAKAN VAKSIN JABATAN KESIHATAN NEGERI**
06-2356876 / 06-2930164



- BILIK GERAKAN VAKSIN PEJABAT KESIHATAN DAERAH MELAKA TENGAH**
013-2077332 / 06-2823760



- BILIK GERAKAN VAKSIN PEJABAT KESIHATAN DAERAH ALOR GAJAH**
011-64690452

- BILIK GERAKAN VAKSIN PEJABAT KESIHATAN DAERAH JASIN**
014-3223623 / 06-5291926



Infografik : Melaka Hari Ini

Sumber : Kementerian Kesihatan Negeri Melaka

MOVAK diperluas bantu perkasa vaksinasi

Faiz Hasan

KUALA SUNGAI BARU – Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) akan diperluaskan ke seluruh kawasan pinggir negeri ini bagi memudahkan masyarakat mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, program itu menyasarkan pemberian vaksin kepada komuniti secara mobile atau outreach (static).

"Saya difahamkan program MOVAK ini akan diadakan di DUN (Dewan Undangan Negeri) Asahan, Ayer Limau, Machap dan beberapa lagi kawasan

DUN.

"Saya mengalui-alukan program ini kerana ini kaedah terbaik buat penduduk yang berada di kawasan terpencil untuk datang ke pusat MOVAK yang berhampiran," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyantuni penerima vaksin di Pusat MOVAK Peringkat Negeri Melaka di Dewan Kompleks Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasaran Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Kuala Linggi, baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kesihatan dan Antidadah, Datuk Rahmad Mariman dan ADUN Kuala Linggi, Datuk Wira Ar Ismail Othman.

Sementara itu Rahmad berkata, program itu seharusnya disambut baik penduduk dalam membantu kerajaan menangani penularan pandemik COVID-19.

"Bagi penduduk yang sukar untuk pergi ke PPV, inisiatif MOVAK juga menyediakan kenderaan bagi mengambil mereka dari rumah masing-masing.

"Kerajaan negeri sedaya upaya akan memperluaskan pemberian vaksin dengan pelbagai cara antaranya kita rancang vaksinasi dari rumah ke rumah khusus buat warga emas dan individu terlantar.

"Setakat ini kita sedang mengumpul data dari setiap DUN dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat ini," katanya.

Majikan diminta pindahkan pekerja asing segera - KM

SEMUA majikan yang menggaji pekerja asing diarahkan memindahkan pekerja mereka dari penempatan komuniti dalam masa terdekat.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menegaskan kesemua pekerja sektor perkilangan perlu segera dipindahkan ke asrama dan bangunan yang bersingungan.

Jelasnya, langkah itu penting untuk mengawal pekerja asing disahkan positif COVID-19 hingga menyumbang kepada peningkatan wabak itu dalam komuniti serta mewujudkan beberapa kluster industri.

"Keputusan itu diputuskan di bawah Akta Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) bagi mengawal penularan COVID-19 membabitkan pekerja asing kepada penduduk setempat.

"Beberapa lokasi telah dikenal pasti untuk memindahkan pekerja terlibat seperti bangunan berdekatan Melaka Sentral yang boleh menempatkan seramai 1,400 orang selain bangunan Perbadanan Ketua Menteri (CMI) yang kosong.

"Ini kaedah terbaik, kita ambil maklum kes meningkat dan putuskan untuk pindah mereka keluar dari kawasan perumahan secepat mungkin dan jika ingkar tindakan tegas akan diambil dibawah akta terbabit dan kita akan arahkan untuk tutup kilang," tegasnya.

Jelasnya, jawatankuasa terlibat akan memantau setiap kilang di negeri ini agar pekerja asing dapat diasingkan di satu



SULAIMAN (duduk kanan) menyantuni salah seorang warga emas (duduk kiri) yang menunggu giliran untuk divaksin ketika meninjau pusat MOVAK di Dewan JAPERUN Kuala Linggi, baru-baru ini.

penempatan yang kekal dan tidak bercampur dengan kelompok komuniti.

"Contohnya, di Perindustrian Ayer Keroh ada hampir 3,000 pekerja asing yang mana lebih seribu akan dipindahkan.

"Majikan perlu sediakan asrama pekerja masing-masing dan saya harap mereka dapat berikan kerjasama di bawah Akta 342 untuk pindahkan ke kawasan lain," katanya.

Pekerja asing dihalang memasuki Melaka

KUALA SUNGAI BARU – Kerajaan Melaka memutuskan menghalang kemasukan pekerja warga asing ke negeri ini untuk sektor perkilangan.

Exco Tenaga Kerja Datuk Wira Ar Ismail Othman berkata, sebaliknya tenaga kerja di sektor industri akan dibuka kepada warga tempatan.

"Kita (kerajaan negeri) mengarahkan industri di Melaka yang memerlukan pekerja hendaklah memberi keutamaan kepada warga tempatan sekali gus mampu memberi peluang

mereka yang terjejas dalam tempoh sukar ini.

"Malah, kerajaan negeri juga telah memperhalusi beberapa prosedur operasi standard (SOP) buat pekerja asing di negeri ini dalam mengekang penularan pandemik COVID-19," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengiringi Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali meninjau program Outreach Vaksinasi di Pusat MOVAK di Kompleks JAPERUN Kuala Linggi baru-baru ini.



DAK MAT

Ambil peduli



PADA tahun 2020 kes bunuh diri di Malaysia berjumlah 631 orang. Manakala dari Januari hingga Mei 2021 pula, sejumlah 468 kes bunuh diri direkodkan dalam negara.

Jumlah tahun ini telah mele过asi separuh dari jumlah tahun lalu bilaun kita baru berada di bulan Julai. Masih berbaki lima bulan untuk kita menutup tirai tahun 2021.

Peningkatan jumlah kes lebih 50% berbanding 6 bulan pertama tahun lalu amat membimbangkan. Ini dikaitkan dengan situasi semasa negara dengan ekonomi menguncup manakala sektor industri pula terhad.

Ramai yang kehilangan kerja. Mereka mengalami tekanan perasaan. Malu untuk berhadapan dengan keluarga dan masyarakat. Semangat mahu hidup luntur lantas berputus asa.

Keadaan ini akan menjurus kepada kemurungan. Apabila kemurungan diambil mudah, maka terjadilah perkara yang tidak sepatutnya terjadi.

Mat nak pesan kepada diri sendiri dan teman-teman. Kita hidup bersama-sarikat. Ambil peduliah dengan masyarakat sekililing ketika ini. Kita perlu peka dengan keadaan rakan, jiran atau siapa saja di sekililing kita.

Jika ada di antara lingkungan kita yang memerlukan, selidik dan bantulah segera. Kalau diri sendiri dalam kesempitan, sekurang-kurangnya prihatinlah. Dampingi mereka! Jangan biarkan mereka bersastra keseorangan dan rasa tidak dipedulikan.

Adukan mereka kepada pihak berwajib. Ketika ini, banyak pihak secara sukarela membantu dalam pelbagai bentuk. Barang keperluan, wang tunai, kaunseling dan lain-lain. Semuanya ada. **Ambil peduli!**

Dak Mat : Insaf dengan situasi sekarang

Pengorbanan 'wira negara'



KITA bicara juga tentang para petugas kesihatan khusus mengendalikan pesakit COVID-19. Tekanan yang dihadapi mereka cukup hebat.

Di saat ini, mereka melakukan apa saja bagi memastikan khidmat yang diberi adalah yang terbaik.

Bukan sedikit pengorbanan mereka. Ada yang bekerja 48 jam terus menerus. Bekerja pula di bawah tekanan. Bertugas dengan pakaian PPE yang lengkap.

Suasana kebanyakan hospital pula telah sampai di tahap kritis. Katil untuk pesakit tidak mencukupi. Peralatan juga terhad kerana pesakit yang ramai.

Para petugas kesihatan juga manusia. Tentunya mereka punya hati dan perasaan. Bayangkan sebalik kegigihan mereka 'berjuang', bilangan yang dijangkiti semakin meningkat.

Tidak mustahil ada di antara mereka yang akan jatuh moralnya. Jika ini terjadi, ianya mengarah kepada putus asa. Akhirnya mereka akan 'burn out', tiada motivasi, lemah minda dan rasa tidak dipedulikan.

Jangan kita biarkan ianya terjadi. Sebagai petugas barisan hadapan, mereka adalah benteng utama dalam 'peperangan' ini. Santunilah mereka sensitif agar sentiasa bersemangat melawan pandemik ini.

Selelah-lelah peranan kita demi memastikan mereka kekal bermotivasi, patuhilah SOP! Ikti arahan yang ditetapkan. Kita boleh melandaikan lengku geraf serta menurunkan kadar jangkitan.

Iini sudah mermadai. Jika mampu berbuat lebih, sumbanglah apa jua yang dapat memudahkan tugas mereka. Hargai dan pedulih dengan kerja keras mereka melawan pandemik ini.

Dak Mat : Tak salah guna surat MITI

Hargailah 'frontliners' kita

Di saat kita semua berperang melawan pandemik COVID-19, peranan pasukan keselamatan yang bertugas di barisan hadapan sering disalah erti.

Pasukan keselamatan seolah-olah dimusuhi. Apa saja yang boleh dijadikan modal oleh netizen, akan ditular di media sosial.

Mat simpati dengan mereka. Mereka adalah gara yang memastikan mereka diaputi oleh rakyat se-

Kita belum sampai daran kendiri. Semuanya SOP yang dibuat adalah ke peringkat punya kesepur diawasi. Padahal untuk kebaikan bersama.

Tidak sepertutnya netizen hanya untuk memaparkan perkara yang buruk. Mereka hanya menjalankan tugas yang diamanahkan.

Mereka menjalankan tugas mengikut undang-undang dan bidang kuasa yang diberikan. Jika ada pun perilaku mereka yang melangkaui bidang tugas, ianya kes tercipul.

Mereka bukan 'robot' yang tidak punya hati dan perasaan. Jika kita, masyarakat awam menghormati mereka, mereka akan menghormati kita.

Selepas ini apabila melalui sekatan jalan raya atau berjumpa mereka melakukan rondaan, paling tidak, hadiahkan senyuman buat mereka. Jika mereka bertemu, jawablah dengan sopan.

Tunjuklah surat kebenaran (bagi yang ada) dengan baik. Jangan membentak. Tidak susah untuk kita menggembirakan mereka.

Usah biarkan moral mereka jatuh melakukan tugas yang mulia ini. Hargai dan santunilah mereka sebaik mungkin.

Dak Mat : Tabik 'spring' buat mereka.

Melaka benarkan 50 jemaah solat fardu di masjid

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BUKIT PALAH – Bilangan jemaah bagi solat fardu di masjid seluruh negeri Melaka akan ditingkatkan kepada 50 orang bermula 15 Julai.

Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Datuk Che Sukri Che Mat berkata, ketetapan itu terpakai bagi masjid kerajaan, kariah atau institusi di seluruh negeri.

Selain itu, katanya, bilangan jemaah bagi solat fardu di surau turut ditingkatkan kepada 20 jemaah yang mana kehadiran jemaah itu akan ditentukan oleh jawatankuasa masjid dan surau.

"Pekeling sebelum ini hanya membenarkan had 12 jemaah sahaja bagi solat fardu di masjid dan surau."

"Namun, kita mendapat perintahan daripada ramai ahli jawatankuasa masjid, maka kerajaan negeri telah membenarkan bilangan jemaah untuk solat fardu dinaikkan kepada 50 orang di masjid dan 20 orang di surau seluruh negeri."

usau masjid, maka kerajaan negeri masih kekal iaitu 250 jemaah bagi masjid kerajaan, 100 jemaah bagi masjid kariah atau institusi dan 50 jemaah di surau.

"Walaupun bilangan jemaah solat Jumaat dikekalkan tetapi JAIM menggalakkan semua masjid dan surau memperdengarkan dahulu bacaan Yasin dan doa sebelum khutbah dibaca."

"Kita berharap semua jemaah



CHE Sukri

yang hadir dapat membacakan bersama-sama dalam usaha melengkapkan kesungguhan kita mendapatkan perlindungan daripada Allah SWT, sekali gus dijauahkan daripada wabak COVID-19," katanya.

Infak 400 kg ikan dan sayur

TANJUNG BIDARA – Sebuah syarikat guaman bermurah hati menginfak 400 kilogram (kg) ikan kembung dan sayur segar kepada golongan B40 di sini, baru-baru ini.

Syarikat yang berpusat di Bandaraya Melaka itu mengagihkan bahan makanan segar khusus untuk mereka yang hilang dan terjejas pendapatan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Pengurus syarikat itu, Mohd Afendi Hassan, 31, berkata majikanya menyediakan masing-masing 200 kg ikan dan sayur bagi tujuan itu.

"Kami bersyukur dapat memberikan sedikit sumbangan kepada anggota komuniti B40 yang terjejas akibat COVID-19."

"Kami berharap sedikit sebanyak ia mampu meringankan beban perbelanjaan harian orang ramai yang terkesan," katanya ketika ditemui di lokasi pengagihan bahan makanan itu di Kilometer 23, Jalan Masjid Tanah-Pengkalan Balak, di sini.

Anggota komuniti, Rahimah Zahidin, 33, berkata banyak pihak terkesan dengan PKP 3.0 dan ada sesetengahnya kehilangan pekerjaan kerana kilang ditutup dan seumpamanya.

"Saya sendiri yang berniaga makanan turut menerima kesan PKP 3.0 kerana pelanggan menu-



RAHIMAH

run dengan amat ketara," katanya.

Azahari Abdullah, 42, berkata sumbangan ikan dan sayur itu diambil sekadar untuk keperluan dia, isteri dan dua anak.

"Bila ada peluang begini, janganlah kita jadi tamak dan fikirkan orang lain yang juga memerlukan," katanya.

Shamsul Mohd Yusof, 49, pula akan menggunakan sumbangan itu sebaiknya pada hari mendatang.

"Saya amat berterima kasih kepada pihak yang menyedekahkan ikan dan sayur kerana ia mengurangkan beban perbelanjaan harian kami sekeluarga," katanya.

Siti Aisyah Samsuri, 12, dan adiknya Syamsul Rizal, 10, juga tidak mahu ketinggalan mendapatkan ikan dan sayur walaupun terpaksa berjalan satu kilometer dari kediaman di Kampung Londang untuk ke lokasi pengagihan.



MOHD Afendi (dua kiri) menghulurkan sumbangan ikan dan sayur kepada komuniti setempat di Kilometer 23 Jalan Masjid Tanah-Pengkalan Balak, Masjid Tanah, baru-baru ini.



ISMAIL (kiri) dan **Noor Effandi** (kanan) menunjukkan poster Pertandingan Pidato Rukun Negara Piala TYT Melaka, selepas mengadakan kunjungan hormat ke atas Mohd Ali di Pejabat TYT Melaka, Seri Negeri, baru-baru ini.

Pertandingan Pidato Rukun Negara Bawa kelainan tampil kategori bukan Melayu

Liana Sahabudin

SERI NEGERI – Pertandingan Pidato Rukun Negara Sebagai Prinsip Perpaduan Demi Kejayaan dan Kestabilan Rakyat Peringkat Kebangsaan, Piala Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Melaka, membawa kelainan dengan menampilkan Kategori Bukan Melayu.

Exco Perpaduan, Datuk Wira Ar Ismail Othman berkata, kategori itu sebagai elemen serta cabaran buat peserta Melayu dalam memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan itu.

"Ini tahun kedua pertandingan dan kali pertama kita memperkenalkan kategori bukan Melayu supaya mendapat lebih ramai penyertaan dari seluruh negara."

"Kita harap ada penyertaan belia bukan Melayu akan serta pertandingan ini dan saya yakin jumlah penyertaan akan bertambah menjelang 31 Julai ini."

"Hari ini penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan orang bukan Melayu tidak ada masalah dan kita perlu pergiatkan lagi bahasa kebangsaan ini supaya boleh dimartabat serta digunakan dalam semua sektor," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan kunjungan hormat ke atas Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam di Pejabat TYT Melaka, Seri Negeri, baru-baru ini.

Sementara itu Exco Pendidikan Datuk Noor Effandi Ahmad berkata, pertandingan itu menyasarkan penyertaan tiga atau empat kali ganda berbanding pengjurian pertama pada tahun lalu.

"Tahun lalu kita dapat penyertaan hampir 300 di Melaka saja, tahun ini kita yakin menjelang 31 Julai ini boleh dapat penyertaan tiga atau empat kali ganda."

"Hadiah yang ditawarkan juga sangat menarik seperti piala pusingan, wang tunai RM5,000 dan koleksi buku bagi Kategori Awam," katanya.

Lima kategori dipertandingan seperti Kategori Awam, institusi pengajian tinggi (IPT), Sekolah Menengah, Sekolah Rendah dan Bukan Melayu yang menawarkan hadiah antara RM300 hingga RM5,000.

Maklumat lanjut berkaitan pertandingan berkenaan boleh hubungi urus setia pidato di talian 06-3174475/ 011-11117547 (Institut Tun Perak).

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondalme7@melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor7riduwani@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT
AHMAD ZUHAIR
UMARAH SAMSER
zuhair@melakaharlini.my

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
liyan90@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7zul@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

EKSEKUTIF PEMASARAN & PENGIKLAKAN
NAQIB TAJUDIN
naqib@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izaideris@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khalidah@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashalayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishalkal.zakaria@melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakaharlini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufalzzati98@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakaharlini.my

Selamat Hari Raya Aidiladha لَيْلَةُ الْأَضْحَى 1442H



“Sesungguhnya, Kami telah memberikan kurniaan yang sangat banyak kepadamu, maka solatlah untuk Tuhanmu dan sembelihlah korban.”

(Surah Al-Kautsar : Ayat 1-2)

Tulus Ikhlas Daripada

Datuk Haji Ibrahim bin Haji Fadzil
Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka
& Seluruh Warga Kerja Zakat Melaka



DUN Bukit Katil perlukan sistem kawalan banjir

Norizan Abdul Muhid

BUKIT KATIL - Banjir kilat yang melanda beberapa taman perumahan dan kampung dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Katil bukanlah baharu malah sudah berlanjut sejak lebih 10

tahun lalu.

Dalam bahasa mudahnya, penduduknya sudah boleh menjangka, jika berlaku hujan lebat atau air pasang tiba-tiba pasti Kampung Parit Cina, Taman Merbok, Taman Merak dan Kampung Bukit Pulau dinaiki banjir.



RIDHWAN (kanan) bertanyakan sesuatu kepada wakil penduduk setempat mengenai sebahagian saliran Kampung Parit Cina, Bukit Katil yang tidak pernah dinaik taraf dan tidak mampu menampung aliran air ketika hujan lebat.

Penyelaras DUN Bukit Katil Mohd Ridhwan Mohd Ali berkata, keadaan infrastruktur sungai dan longkang sedia ada sudah tidak mampu menampung jumlah kepadatan penduduk.

Bertambah buruk, apabila adanya projek pembangunan berhampiran kawasan Bukit Beruang.

Menurut beliau, saliran parit besar Kampung Parit Cina tidak pernah dinaik taraf mengikut kesesuaianya bagi menampung pertambahan banjir ketika hujan lebat mengakibatkan air mudah memasuki kediaman penduduk.

"Struktur saliran Kampung Parit Cina tetap sama, kecil sejak dahulu sampailah sekarang sedangkan pemempatan penduduk makin bertambah.

"Kita bimbang masalah banjir kilat ini jika dibiarkan berlanjut akan merencatkan segala usaha dan pembangunan yang diatur untuk penduduk DUN Bukit Katil pada masa hadapan," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI).

Menurut Mohd Ridhwan, masalah banjir kilat tidak sepatutnya berlaku ketika ini memandangkan Melaka berstatus negeri maju dan pihak berwajib perlu menggembung tenaga bersama menangani isu tersebut.

Katanya, terdapat beberapa faktor menyumbang kepada masalah banjir kilat di kawasan terbabit.

"Antaranya projek pembangunan bangunan tambahan sebuah hospital swasta di situ selain masalah pengurusan serta penyelenggaraan kawasan aliran air yang lemah di taman perumahan serta kampung.

BIODATA PENYELARAS DUN BUKIT KATIL

Nama : Mohd Ridhwan Mohd Ali

Tarikh Lahir : 27 Oktober 1986

Isteri : Nur Azieha Mohd Ali

Anak : 1) Mohd Hakim
2) Sofea Asmarina

Akademik: Sarjana Pentadbiran Perniagaan
Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Pengalaman kerjaya : Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM)

Pengalaman NGO : Presiden Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM)



"Infrastuktur sungai dan saliran sedia ada pula tidak dapat menampung kawasan yang telah dibangunkan menyebabkan berlaku banjir kilat," ujarnya.

Bagi tujuan itu, beliau mencadangkan tindakan jangka pendek iaitu sistem saliran parit dan sungai dapat kerap diselenggara.

"Bagi jangka masa panjang pula, saya cadangkan bina ban di tebing sungai Parit Cina atau longkang yang bersesuaian untuk menambah keupayaan mengalirkam keluar lebih banyak air hujan sekaligus mengurangkan kekerapan banjir," katanya.

"Pada masa yang sama, PBT berkaitan harus membuat kajian di kawasan-kawasan tertentu yang berlaku isu sempadan kuasa terutama di tanah persendirian.

"Kita dapat dari kes banjir lepas,

sistem saliran di tanah persendirian tidak dapat diatasi disebabkan pemilik tanah tidak dapat dikesan apabila pihak berkuasa ingin membuat kerja-kerja naik taraf," kata Mohd Ridhwan.

Bagaimanapun, katanya, disebabkan kekangan dana pelbagai usaha dan pelan tindakan yang dirangka menangani permasalahan banjir sukar dilaksanakan dan akhirnya terlambat sehingga beberapa tahun.

"Sebab itu beberapa langkah mengatasi isu banjir di Bukit Katil tidak dapat dilaksanakan menyebabkan ia seperti tiada penghujungnya.

"Saya harap biarpun ada masalah kekangan dana ini, PBT terlibat dapat memikirkan alternatif semestara yang boleh diambil bagi mengurangkan insiden banjir kilat pada masa depan," katanya.

Penduduk mohon masalah banjir diselesaikan segera



ASNOR

"HIDUP kami dalam ketakutan setiap kali hujan lebat kerana mengangkat air banjir yang pasti melimpah masuk ke dalam rumah,"

Itu adalah antara luahan Penghulu Kampung Telok, Asnor Md Hussin ketika menceritakan mengenai masalah banjir kilat dalam kawasan DUN Bukit Katil.

Menurutnya, senario tersebut terpaksa dihadapi sejak bertahun-tahun lamanya dengan kejadian paling teruk awal bulan lalu melibatkan kemasuhan harta benda sebahagian besar penduduk di kawasan itu.

"Sepatutnya pada ketika ini, masalah banjir kilat tidak lagi berlaku kerana sudah ada bermacam peralatan dan kaedah moden yang boleh diaplikasikan.

"Namun, saya kesal kerana masalah bencana alam ini masih berlaku biarpun PBT mengemukakan bermacam cadangan," katanya.

Sebagai contoh, menurut Asnor, keadaan fizikal parit besar Kampung Parit Cina yang tidak pernah dinaik taraf oleh pihak berwajib walaupun ia tidak lagi mampu menampung jumlah air yang banyak.

"Mungkin pihak berwajib tiada peruntukan atau dana untuk melebar atau mendalamkan saliran tersebut tetapi saya yakin pasti ada cara lain untuk menangani masalah tanpa memerlukan dana yang terlalu besar," ujarnya.

Selain itu menurut Sofian Rosli, pelbagai kemudahan infrastruktur yang disediakan kepada penduduk DUN Bukit Katil tidak membawa sebarang makna sekiranya pihak berwajib masih gagal mengatasi masalah banjir kilat di kawasan itu.

"Saya pelik mengapa tiada lang-

INFOGRAFIK KAWASAN DUN BUKIT KATIL

Jumlah Penduduk
38,344

Jumlah Pengundi
25,532



Kawasan perumahan

JKKK : 10

Taman Perumahan : 7

Rumah Ibadat



Masjid : 4

Surau : 24

Tokong : 2

Pendidikan

Sek Rendah : 5

Sek Menengah : 3

Sekolah Teknik : 1

Institut Latihan : 1



Infografik : MELAKA HARI INI

sung tindakan alternatif yang segera diambil pihak berwajib sehingga kini.

"Memang ada usaha-usaha menyelengara parit dilakukan selepas beberapa kali insiden banjir kilat tetapi saya lihat tempoh masa yang diambil bagi kerja-kerja menyelenggara parit agak jauh sehingga berbu-

tan-bulan," katanya.

Sementara itu, Muhamad Shahril Ibrahim berkata, penduduk setempat sudah lama menanggung masalah banjir kilat di kawasan itu sejak 10 tahun lalu.

"Bermacam-macam tempat kami buat aduan tetapi belum ada

tindakan yang meyakinkan dan bila tiba hujan lebat penduduk juga susah apabila air masuk ke dalam rumah.

"Harapan kami adalah untuk melihat segala permasalahan melibatkan bencana banjir ini dapat diselesaikan segera demi kebaikan penduduk setempat," jelasnya.



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Rebut berkat bulan Zulhijjah

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

BULAN Zulhijjah yang disambut pada kali ini sedikit berbeza berbanding tahun-tahun terdahulu kerana kebiasaannya jemaah haji sudah berpusu-pusu ke Mekah.

Bagaimanapun pada tahun ini kerajaan telah menangguhkan untuk umat Islam menuaikan ibadah tersebut akibat penularan Covid-19.

Walaubagaimanapun kita sebagai umat Islam mesti dan wajib beriman kepada qada dan qadar Allah. Bulan Zulhijjah merupakan bulan yang penuh dengan kelebihan bagi sesiapa yang beramal dalam bulan tersebut khususnya pada 1 sehingga 10 Zulhijjah.

Firman Allah yang bermaksud : *Dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah).* Surah Al-Fajr ayat ke 2.

Ibnu Kathir menyebut mengenai malam yang sepuluh itu ialah sepuhul malam yang pertama pada bulan Zulhijjah. Demikian juga tafsiran Ibnu Abbas, Ibnu Az-Zubair, Mujahid dan lainnya.

Ini disokong oleh hadis Rasulullah yang bermaksud : *Tidak ada hari yang mana amal soleh dilakukan padanya lebih dicintai oleh Allah daripada sepuluh hari ini (awal Zulhijjah).* "Mereka berkata: Wahai Rasulullah! Tidak juga berjihad di jalan Allah? Baginda SAW berkata: "Tidak juga berjihad di jalan Allah melainkan seseorang itu keluar dengan jiwa dan hartanya kemudian dia tidak kembali (syahid) dengan membawa sesuatu pun. - hadis Riwayat Al-Bukhari



Di sana terdapat banyak amalan yang boleh dilakukan untuk meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah. Maka rugilah bagi mereka yang mendapat peluang keemasan ini tetapi mensia-siakannya dengan pelbagai alasan. Antara amalan yang boleh dilakukan adalah:

1. Puasa

Puasa merupakan ibadah yang agung. Ini kerana hanya puasa yang Allah janjikan akan dilipat ganda ganjarannya bagi mereka yang sentiasa mengerjakan ibadah tersebut. Oleh itu menjadi satu sunnah Baginda Rasulullah berpuasa pada sepuluh hari terawal Bulan Zulhijjah.

Dari Hafshah dia berkata: Empat perkara yang tidak pernah ditinggal-

kan oleh Baginda Rasulullah: Puasa 'Asyura, puasa sepuluh hari (di Bulan Zulhijjah), puasa tiga hari dalam setiap bulan dan dua rakaat sebelum Subuh. - Hadis Riwayat Al-Nasai.

2. Takbir, Tahlil dan Tahmid

Memuji Allah pada hari-hari yang sangat dicintai Allah adalah satu amalan yang sangat baik. Segala bentuk amalan yang mengingatkan kita kepada Allah merupakan satu amalan yang sangat dituntut lebih-lebih lagi dengan kita perbanyak takbir, tahlil dan tahmid.

Ini kerana berdasarkan hadis Baginda Rasulullah: Tiada hari-hari yang lebih agung dan disukai oleh Allah untuk beramal soleh selain 10 hari ini. Maka, perbanyaklah tahlil,

takbir, dan tahmid pada-Nya. - Hadis Riwayat Ahmad.

3. Melakukan ibadah korban

Kebanyakan orang Islam lupa akan kelebihan ini iaitu melakukan ibadah korban. Berkorban merupakan salah satu ibadah yang agung sebagaimana yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim kepada anaknya Nabi Ismail bagi memenuhi perintah Allah.

Dalam sebuah hadis Sabda Baginda Rasulullah: *Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada hari Al-Nahr (Raya Aidiladha) yang lebih dicintai oleh Allah selain daripada menumpahkan darah (binatang korban).* Sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat den-

gan tanduknya, bulunya dan kukunya dan sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada reda Allah SWT sebelum ia jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa kamu (dengan berkorban). - Hadis Riwayat Al-Tirmizi.

Maka setiap muslim hendaklah menyambut kedatangan musim kebajikan umumnya dengan bertaubat yang sebenar-benarnya, meninggalkan segala dosa dan maksiat kerana dosalah yang menyekat manusia daripada kebaikan dan menjauhkannya dari Tuhan.

Disamping kita mengerjakan ibadah sunnah, kita juga wajib memperbaiki semua amalan-amalan fardu yang dituntut kepada kita untuk dilaksanakan sebagaimana pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail yang sanggup berkorban demi melaksanakan perintah Allah walaupun terpaksa mengorbankan nyawa.

Seperti mana pesanan nabi SAW ketika Baginda memberikan khutbah yang terakhir pada Hari Jumaat, 9 Zulhijjah di tahun 10 hijrah.

Baginda Rasulullah ketika itu berwukuf bersama 144,000 orang Islam di padang Arafah. Baginda telah menyampaikan suatu amanat yang mengandungi pengajaran dalam kehidupan masyarakat Islam.

Antara pesanan Rasulullah ialah: Hendaklah kamu mengabdiikan diri kepada Allah, Tuhan kamu, dirikanlah solat lima waktu yang difardukan itu, kerjakanlah puasa sebulan Ramadhan, keluarkanlah zakat harta kamu dengan rasa reda daripada hati sanbarimu, tunaikanlah ibadah haji di Baitullah, taatilah pemerintah dan pemimpin kamu, nescaya kamu akan memasuki surga Tuhanmu.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#)

Facebook | [facebook/maimmelaka](#)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Skuad Agihan Zakat (SAZ) MCARM



PENOLONG Setiausaha Bahagian Zakat MAIM, Shakina Mohd Said bersama Penolong Setiausaha Balai Islam MAIM, Hairulamin Mohd Sis menyantuni asnaf, Azman Mamat di DUN Sungai Udang



SANTUNI asnaf Norhayati Md Amin yang kehilangan punca pendapatan dan salah seorang anak beliau yang mengalami buta mata sebelah kanan akibat kecederaan sejak kecil.



SAZ sentiasa kerap turun padang prihatin dan memastikan kebajikan asnaf dan mereka yang terkesan di negeri ini disantuni sebaiknya.

Konsep pengorbanan dalam berharta



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

BEBERAPA hari lagi umat Islam di seluruh dunia bakal meraikan Hari Raya Aidiladha atau yang lebih dikenali sebagai Hari Raya Korban yang disambut pada 20 Julai 2021M bersamaan 10 Zulhijjah 1442H tahun ini. Hari Raya Aidiladha merupakan hari kesepuluh (10) pada bulan Zulhijjah iaitu bulan terakhir dalam Kalender Hijrah Islam.

Tarikh 10 Zulhijjah ini merupakan tarikh penting dalam sejarah Islam dimana Nabi Adam A.S dan isterinya Hawa dikeluarkan dari surga dan diturunkan ke bumi sebelum berjumpa di padang Arafah, di luar bandar Mekah Al-Mukarramah. Di samping itu, perayaan ini juga dipanggil sebagai Hari Raya Haji kerana Allah SWT memerintahkan untuk menunaikan ibadah haji di tanah suci Mekah bagi umat Islam yang berkemampuan. Selain itu juga, pada tarikh ini umat Islam akan melaksanakan ibadah korban dengan menyembelih binatang-binatang ternakan sebagai memperingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim A.S yang sanggup menyembelih anak kesayangannya Nabi Ismail A.S kerana ketaatannya terhadap Allah SWT.

Bagi menghayati konsep pengorbanan ini, umat Islam dituntut melakukan pengorbanan dalam apa jua keadaan sama ada berkorban masa, tenaga, perasaan, jiwa, kepentingan diri dan harta bagi memperolehi keredaan Allah SWT. Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini



(meliputi segala kesenangan dan kemewahannya) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya, kalau-lah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan akhirat)." (*Surah al-Ankabut, ayat 64*).

Susulan situasi pandemik COVID-19 yang melanda dunia masa kini sememangnya memberi impak yang sangat mendalam kepada umat Islam khususnya bagi mereka yang terjejas dari segi pendapatan dan ekonomi. Ramai yang terputus bekalan makanan dan tidak kurang juga yang mengalami masalah tekanan jiwa akibat hilangnya sumber pendapatan, hilangnya pe-

kerjaan dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, hikmah ibadah korban dalam berharta adalah membantu golongan yang kurang berkemampuan sama ada fakir, miskin dan kelompok asnaf yang lapan (8) seperti mana yang disebut firman Allah SWT di dalam Surah At-Taubah ayat 60 tersebut.

Justeru itu, umat Islam khususnya bagi mereka yang tidak terjejas pendapatannya dituntut untuk berkorban harta dan seterusnya membantu golongan yang memerlukan. Berharta dan bersedekah amat memerlukan pengorbanan dalam kesediaan untuk memberi apa jua harta yang dimiliki kepada mereka yang memerlukan supaya hati dan jiwa akan sentiasa tenang dan bersih.

Oleh yang demikian, kita perlulah menghayati dan menteladani sifat dan pengorbanan isteri Nabi Muhammad SAW, iaitu Saidatina Khadijah RA yang sanggup mendermakan kesemua harta milik beliau tanpa merasa risau ianya akan habis, malah ketika hampir menghabuskan nafas terakhir, masih memikirkan apa yang boleh diberi untuk agama Islam. Janganlah terlalu berkira soal wang ringgit dan hartabenda. Sesungguhnya mensyukuri nikmat yang telah dikurniakan oleh-Nya dapat menjamin keberkatan dan kebahagiaan kekal abadi.

Semoga sambutan Hari Raya Aidiladha ini dapat disambut dengan penuh keberkatan di samping menghayati konsep pengorbanan yang dituntut dalam agama Islam. Mudah-mudahan ibadah korban yang kita lakukan mendapat reda daripada Allah SWT serta menjadikan hamba Allah SWT yang sentiasa mensyukuri nikmat yang diberikan-Nya. In Shaa Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian what-sapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Zakat Mendatangkan Berkat

Bayarlah Zakat Moga Mendapat Keredhaan Dan Kejayaan



Kaedah Melunaskan Zakat

- > Kaunter Ibu Pejabat / Cawangan Zakat Melaka
- > Potongan Gaji Online
- > Agen POS
- > Kaunter Bergerak
- > Borang Potongan Gaji
- > Agen MATA
- > Kad Debit / Kad Kredit
- > Pegawai Syarak

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat – (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat – (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com



Hanya **2.5%**

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com


ZAKAT MELAKA
Bersih Jiwa Suci Harta'

Selamat menyambut

HARI RAYA AIDILADHA

**20 Julai 2021 Bersamaan
10 Zulhijjah 1442 Hijrah**

Setulus Ikhlas Daripada



**Ahli Lembaga Pengarah,
Setiausaha & Seluruh Warga Kerja
Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)**



SELAMAT
*Hari Raya
Aidiladha*

20 Julai 2021 Bersamaan
10 Zulhijjah 1442 Hijrah

Setulus Ikhlas Daripada,
YB Datuk Noor Effandi Bin Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa di Jabatan Ketua Menteri
(Pendidikan, Pengajian Tinggi,
Teknikal & Vokasional, Sains & Inovasi)
Ahli Dewan Undangan Negeri Telok Mas





WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: BAHASA INGGERIS

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MINGININSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK : BAHASA INGGERIS

PAPER 2 (119/2) – WRITING

Time Allocation : 1 Hour 30 Minutes

Total Marks : 60 Marks

PART 1
SHORT COMMUNICATIVE MESSAGE
1 Question
20 Marks

PART 2
GUIDED WRITING
1 Question
20 Marks

PART 3
EXTENDED WRITING
3 Questions
(Answer only ONE)
20 Marks

PART 1: INFORMAL MESSAGE TO AN INFORMAL AUDIENCE (I.E. EMAIL) – A2 LEVEL

SHORT COMMUNICATIVE MESSAGE

1 Question
20 Marks

A compulsory question to write about a short informal communicative message or response of about 80 words.

In part 1, candidates are tested on their ability to:

- Make and respond to simple requests and suggestions
- Explain simple processes
- Narrate factual and imagined events or experiences
- Express and respond to opinions and common feelings such as happiness, sadness, surprise and interest
- Spell and punctuate written words with moderate accuracy
- Use formal and informal registers appropriate to the target audience in familiar situations

In part 1, candidates could be writing in response to:

- A happy/ sad/ exciting news
- A request for advice/ suggestions /opinions to solve a problem
- A request for information
- An experience or story
- An invitation

Step A: A brief greeting!

Begin by greeting the recipient. Eg; Dear/ Hi/ To Sarah...

Respond to the email. Eg; - Thanks for writing to me -I'm glad to hear from you

Step B: Be attentive to the stimulus!

Respond to the stimulus accordingly to ensure task fulfillment.

Bear in mind to include only relevant responses.

Step C: Close your email

Signing off by expressing your feelings.

You may also include your hope in the ending part. Eg; -Thanks for your help. -Keep in touch -Hope to hear from you soon.

MODEL QUESTION

Question: You received an email from your new friend, Aaron who has just moved to your hometown.

Hi,
The school holiday is finally here! Let's go for a picnic with our friends. Where shall we go and what can we do there? What should we bring? I'll be waiting for your reply.
Bye!

Now write an email to your friend in about 80 words.

Analyse the stimulus/ requirement:

You received an email from your new friend, Aaron who has just moved to your hometown.

Hi,
The school holiday is finally here! Let's go for (1) a picnic with our friends. (2) Where shall we go and (3) what can we do there? (4) What should we bring? I'll be waiting for your reply.
Bye!

Create Your Answer.

EMAIL

To:	Aaron@email.com
Subject :	Picnic

Hi Aaron,

It's a pleasure to hear from you. Hope you are adjusting well to the lifestyle here. (1) I love to join it, too! It will be our first picnic together. Since you enjoy cycling, why don't (2) we go to Saujana Biru Park? It's famous for (3) leisure cycling around the garden and challenging cycling track. I bet you will love it! Plus, it has amazing view of pine trees and rolling hills. I think, it'll be great to have a picnic with homemade food. So, we could (4) bring some sandwiches and soft drinks. Don't forget, we need a picnic blanket too. I can't wait for that day! Tell me the details later.

REMEMBER

- Be polite.
- Use casual and friendly tone.
- Use some cohesive devices and connectors.
- Use appropriate phrasal verbs and expressions.
- Check your grammar.

EXERCISE

You must answer this question.

You received an email from Amy, who is your classmate.

Hi,

My birthday will be coming soon. I would like to celebrate it with you and our classmates. Where shall we celebrate it and what can we do there? Do you think we should have a theme?

Do let me know what you think.

Bye!

Now write an email to your classmate in about 80 words. Write your answer below.

EMAIL

To:	
Subject :	Birthday plans

Suggested Answer:

EMAIL

To:	Amy@mail.com
Subject :	Birthday plans

Hi,

I cannot wait to celebrate your birthday. We could celebrate it at Bang Bang Restaurant. It is located in town. The food is delicious and they will also provide a free birthday cake. The waiters and waitresses will sing the birthday song for you. They will also do a little dance. Furthermore, there is a karaoke machine at the restaurant. So after our meal we can sing our favourite song together. I think a theme is a great idea! We could either have a colour theme or something more fun like a retro or anime theme.

Bye!



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

ABDULLAH Munshi is ignored by Malaysian journalism schools. It seems there is no proximity between the culture of journalism teaching to his writing orientations and journalistic narratives. His *Syair Singapura Terbakar* (1843) is a classic rendition of news written in verse. Abdullah cannot simply be regarded as the "Father of Modern Malay Literature." Abdullah was adapt at cross-genre writing, blurring the formalistic categories of fiction and non-fiction, literature and other genres, including the ethnographic and the anthropological.

He married the narrative, otherwise expressed in routine reportage, in beautifully crafted verse. Amin Sweeney in his 2006 essay "Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi: A Man of Bananas and Thorns," considered the Syair as showcasing Abdullah's journalistic talent. Sweeney compared Abdullah's coverage as superior to that of the "narrow, biased coverage" of the *Singapore Chronicle*. In the Syair, Abdullah had showed an acquaintance with his milieu, an empathy with society and culture. His Syair carries veiled criticisms on what he saw, a nor-

Abdullah Munshi: Introducing the Malay World as Journalist, Sociologist and also Scientist

mative overture emerging from his self-consciousness and autonomy as subject.

Abdullah bin Abdul Kadir, popularly known as Abdullah Munshi (1796-1854) is still being polemized in our campuses; and by Malay society at large. Abdullah, born in Kampong Pali ("Pali" is a Tamil word for mosque) Melaka, was perhaps the earliest member of the Malay world to be critical of both the Malays and the West.

"The Father of Modern Malay Literature" is an epithet often ascribed to Abdullah Munshi. He can also be described as "The Father of Modern Malay Journalism." Two of his works, *The Hikayat Abdullah* (Tale of Abdullah) published in 1849, and *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* (Account of Abdullah's Voyage to Kelantan) in 1838 are stories most often singled out as those that form the bridge between traditional and modern Malay writing. To be fair, Abdullah's contemporaries were Ahmad Rijaluddin Hakim Long Kandu who wrote *Hikayat Perintah Negeri Benggala* (1811), Fakih Saghir (1829), *Surat Keterangan Sheikh Jalaluddin* and

Laudin (1830), *Hikayat Nakoda Muda*. Also of note was Siami, who was Stamford Raffles clerk in Pulau Pinang in 1805. Siami later became customs officer in Singapura. All embarked on what we call New Malay writing. This was the essay and criticism, with the consciousness of authorship. But history is more generous to Abdullah. His

discusses animal species, their habitats, their uses by men, their bodily features in great detail and their habits as well as the geographical areas and climates of their countries of origin; the area where they were first found in those countries and the climates; and how they were later brought and transported to other places and re-

tory of colonialism in the region, developing the kind of nationalism among the Malay scholars and intellectuals which frown on all criticisms of (their own) Malay society.

Abdullah was victimized by the Malays as being "anti-Malay," and "pro non-Malay - what Shaharuddin has aptly described as "a partisanship that lacks objectivity." The Ma-

II ABDULLAH introduced new doctrines from a Europe that was excited with the fresh climate of the Enlightenment, a Europe delivering itself from the defatalization of history. In so doing, Abdullah had introduced Europe to Malay society. He was also instrumental in introducing the Malay world to the West. II

genre is diverse and expansive.

Abdullah was also suggested as "The Father of Malay Modern Science." This is based on his work *Bahwa Ini Hikayat Binatang* (On the Chronicle of Animals), henceforth *Hikayat Binatang*, published in 1846. The book, about natural history, has been considered as the first school textbook written in Bahasa Melayu. *Hikayat Binatang*

are.

According to Baharuddin Ahmad (2020) a fellow at the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University Malaysia (ISTAC-IIUM), the book is probably the first Malay printed work in Latin script on Natural History. It is quite possible that it is also the first work on modern scientific knowledge in Bahasa Melayu. The use of Latinized Malay by Abdullah was probably due to a growing demand from both missionaries and colonial officers. Significantly, this was also due to the availability of the modern printing press.

Apart from being known as a man of literature, Abdullah was in the modern sense a thinker, reformer and a social critic of his time. He had called for Malay social reformation, intellectual revolution, and progress. His advocacy for the Malays to learn and understand the Malay language was far too harsh - even for the present Malay intellectual to swallow. Abdullah has indeed contributed to the study of Malay society. He would be an early local sociologist of the Malay Archipelago.

In many ways, Malay society sees Abdullah as a controversial figure. He was regarded as a slave to Western imperialism. One frequently comes across such views in various writings found in the Malay press and journals. A scholar of Malay ideas on change and development Shaharuddin Maaruf (1988), cited that among the reasons for the uneasy Malay attitude toward Abdullah was due to the his-

lays sees Abdullah as intellectually and emotionally engaged with notions of civilization as derived from the European Enlightenment.

Born of mixed Arab and Tamil parentage, and described by Abdullah Munshi scholar Hadijah Rahmat (2021) as of Jawi Peranakan heritage, Abdullah introduced new doctrines from a Europe that was excited with the fresh climate of the Enlightenment, a Europe delivering itself from the defatalization of history. In so doing, Abdullah had introduced Europe to Malay society. He was also instrumental in introducing the Malay world to the West.

As Hadijah pointed out in her two-volume compendium titled *Abdullah bin Abdul Kadir Munshi* (2021), Abdullah was extraordinary. He was prolific and versatile - as writer, editor, translator, and printer. And he was both a polymath and a polyglot, covering areas from literature and the literary, to journalism, linguistics, sociology and science. He knew Malay, Tamil, Arab and English. He brought a radical shift in world view. We failed to see the scribe in Abdullah Munshi as an icon of Malay Enlightenment.

NEXT WEEK:

The Space of Lautan Melayu

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



ABDULLAH Munshi

Pakej Pintar Niaga Lazada Buka peluang buat usahawan terjejas

AYER KEROH – Kerajaan Melaka dan Lazada bekerjasama menyediakan laman ‘Melaka E-Bazar’ bagi mempromosikan produk pelancongan dan hospitaliti tempatan menerusi kempen ‘Buy Now, Travel Later’.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata kempen bermula 7 Julai lalu hingga 30 September depan diadakan

semepna Sambutan Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO Ke-13.

Menurutnya, inisiatif itu dilaksanakan di bawah insentif Pakej Rangsangan Ekonomi Melaka untuk membantu usahawan dan pengusaha sektor pelancongan di negeri ini yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

“Ia juga sebahagian saranan Kementer-

ian Pelancongan, Seni dan Budaya bagi meningkatkan sinergi serta kerjasama antara pengusaha industri dan perkhidmatan pelancongan.

“Ini adalah untuk memasarkan produk mereka ke arah menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di dunia,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Jelasnya, kempen bertujuan merancakkan semula aktiviti ekonomi itu dijangka disertai lebih 1,000 usahawan tempatan yang terkesan pandemik dan dipasarkan menerusi Pakej Pintar Niaga tanpa sebarang kos kepada peserta.

“Pengguna Lazada boleh membeli baucer percutian itu melalui Melaka E-Bazar dengan tarikh terbuka iaitu tempoh sah laku selama setahun sehingga 2022.

“Ia sebagai persiapan bagi menempah percutian dan penginapan yang boleh digunakan apabila sekatan pelancongan dilonggarkan kelak,” katanya.

Tambah Sulaiman mulai 1 Ogos depan, setiap pengguna Lazada juga boleh menikmati penjimatan dengan mengumpulkan baucer diskauan dengan potongan hingga 50 peratus.

“Kerjasama kerajaan negeri dengan Lazada memang tepat pada masanya kerana industri pelancongan Malaysia dan Melaka mengalami impak yang besar akibat pandemik ini,” katanya.

Lazada sokong perniagaan tempatan

LAZADA Malaysia akan terus menyokong perniagaan tempatan dalam suasana mencabar ini terutamanya industri pelancongan yang terjejas akibat COVID-19.

Ketua Pegawai Operasinya, Darren Rajaratnam berkata dengan terlancarnya kempen ‘Buy Now, Travel Later’, ia akan membantu perniagaan di Melaka memanfaatkan kunjungan yang meningkat di Lazada untuk capaian pelanggan yang optimum.

“Pakej Pintar Niaga kami yang sedang ditawarkan boleh membantu peniaga membuka gedung dalam talian dengan tanpa sebarang kos dan mereka dialu-alukan untuk mendaftar sebagai penjual baharu di Lazada menerusi pautan <http://lzd.co/SelIONLazadaMY>,” jelasnya.

Jelasnya, pihaknya menggalakkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta usahawan tempatan agar merebut peluang yang ditawarkan menerusi insentif rangsangan Pakej Pintar Niaga Lazada.

“Antara insentif disediakan ialah pengecualian yuran penyeraian, kemudahan mengikuti latihan langkah demi langkah menyeluruh di Lazada University, alat inovatif Seller Centre (Pusat Penjual), kredit iklan RM300 secara percuma, slot pendedahan tinggi selama sebulan, penghantaran percuma dan sokongan khas 90 hari,” katanya.

Sementara itu, mulai 1 Ogos, setiap pengguna Lazada juga boleh menikmati penjimatan lebih besar dengan mengumpulkan baucer diskauan sehingga 50 peratus di laman Melaka e-Bazar.



SULAIMAN...kerjasama Kerajaan Melaka dengan Lazada merupakan inisiatif untuk membantu usahawan negeri ini yang terjejas akibat pandemik COVID-19.



Selamat menyambut

HARI RAYA

AIDILADHA

20 Julai 2021 Bersamaan 10 Zulhijjah 1442 Hijrah

Setulus Ikhlas Daripada,

YB DATUK ROSLAN BIN DATUK HJ. AHMAD

EXCO Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awan dan Infrastruktur

Ahli Dewan Undangan Negeri Merlimau

#YBRon #Merlimaujiwaragaku #Jasakepadarakyat



DR. SHANKAR GUNARASA



SERINGKALI apabila saya bertemu dengan pesakit saya, banyak juga tanggapan peribadi yang di luahkan tentang pelbagai jenis penyakit dan cara merawatnya. Sebagai seorang doktor saya sentiasa bersiapsedia mendengar dan cuba memahami tanggapan mereka, walaupun tanggapan tersebut tidak benar sama sekali. Saya juga tidak menyalahkan mereka kerana tanggapan ini timbul berlandaskan apa yang di fahami oleh masyarakat umum tentang sesuatu penyakit. Begitu juga dengan kanser, banyak persepsi terhadap asal usul dan rawatan yang telah di salah fahamkan oleh masyarakat kita sehingga terdapat rintangan atau keluhan untuk mengambil rawatan. Inilah mitos mitos yang akan saya cuba perbetulkan di dalam article hari ini.

1) SEKALI DAPAT, KANSER TIDAK BOLEH DI SEMBUH

Walaupun statistik menunjukkan kadar kanser semakin meningkat, namun kanser tidak semestinya membawa maut. Dengan kemajuan di dalam chemotherapy dan pembedahan, kadar "5-year survival" semakin memberangsangkan. Fakta ini dapat di lihat di dalam kanser payudara, prostat dan juga tiroid. Namun apa sekali pun, tahap kanser memainkan peranan yang besar untuk menentukan kadar kelangsungan hidup. Oleh itu untuk merumuskan kanser tidak boleh sembuh adalah tidak tepat, ia banyak bergantung pada tahap kanser tersebut.

2) PENYAKIT KANSER BOLEH BERJANGKIT

Tanggapan ini adalah tidak tepat. Kanser tidak boleh berjangkit. Namun kanser boleh terjadi dari jangkitan virus , seperti dari hubungan kelamin atau dari penggunaan jarum yang sama. Human Papillomavirus (HPV) , hepatitis B dan C boleh menyebabkan barah cervik dan juga barah hati dengan cara jankitan sebegini. Walaupun virus tersebut boleh berjangkit daripada seseorang , tetapi kanser secara amnya tidak akan berjangkit. Oleh itu anda tidak perlu menjarakkan diri atau cuba mengelak-

Mitos dan fakta tentang Kanser : Apa anda perlu fahami?



kan diri anda dengan pesakit kanser kerana kanser ini tidak berjangkit.

3) KANSER ADALAH SANGAT SAKIT

Untuk semua jenis kanser biasanya tidak memberi kesakitan, melainkan kanser tersebut berada pada tahap empat (tahap 4). Pada tahap 1 atau 2 , kesakitan ini tidak dirasai. Kesakitan ini sering di kaitkan dengan rawatan kemoterapi atau radioterapi untuk tahap ini. Tetapi anda perlu ingat, kesakitan yang di sebabkan oleh rawatan ini ada penawarnya. Ubatan tahan sakit dapat di berikan oleh doktor untuk keselesaan anda. Bagi yang terpaksa menjalani rawatan chemotherapy, anda mempunyai pilihan untuk menerima regime rawatan yang bersesuaian untuk anda.

4) GULA BOLEH MENYEBABKAN KANSER MEMBESAR

Mitos ini berdasarkan tanggapan yang sel kanser lebih cenderung untuk meresap gula dari sel biasa. Malah ada yang menganggap gula menjadi sumber "baja" untuk sel kanser itu terus membesar dan dengan mengurangkan kandungan gula, ianya boleh mengelikan sel kanser. Ini sememangnya tidak betul sama sekali. Sel-sel di dalam badan kita, kanser atau tidak, memerlukan gula (glucose) untuk tenaga dan tumbesaran. Tidak ada kajian yang menunjukkan yang gula boleh membantu tumbesaran kanser sel atau mengikutkannya. Walau bagaimanapun, anda perlu ingat bahawa obesiti merupakan salah satu faktor terbesar kanser. Oleh sebab itu, individu yang makan terlalu banyak gula sehingga menjadi obesiti berisiko untuk menghidap beberapa jenis kanser.

5) JIKA TIADA SEJARAH KANSER DALAM KELURGA, SAYA TIDAK AKAN MENDAPAT KANSER

Masyarakat memang sedar yang kanser di sebabkan oleh mutasi DNA di dalam gene dan bertanggapan bahawa seseorang itu tidak akan mendapat kanser sekiranya tiada sejarah kanser di dalam keluarga. Ini memang tidak tepat sekali. Di anggarkan 5-10% kes kanser di sumbangkan dari mutasi gene manakala 90-95% adalah di sumbangkan dari faktor persekitaran dan komplikasi dari gaya hidup kita seperti merokok dan obesiti. Namun sekiranya ada hubungan kekeluar-

gaan, anda perlu menjalani ujian saringan dan mengamalkan gaya hidup yang sihat untuk mengelakkan risiko untuk mendapat kanser

6) UJIAN BIOPSI BOLEH MEREBAKKAN KANSER


Ujian biopsi adalah satu proses yang mustahak di dalam diagnosis kanser dan telah di praktikkan sejak sekian lama. Setakat ini tiada kajian yang menunjukkan bukti yang konkrit di mana "tumour seedlings" atau kesan merebak sel kanser dari biopsi boleh berlaku. Kebanyakkan peratus yang kecil ini di sebabkan oleh "incisional biopsy " dimana sebahagian tisu ketulan di ambil untuk kajian berbanding dengan "excisional biopsy" di mana ketulan yang keseluruhan itu di keluarkan sekaligus. Namun setiap ujian biopsi yang di lakukan akan dilakukan secara cermat dan mengikut tatacara pengambilan tisu dengan cermat. Oleh itu anda janganlah risau sekiranya perlu menjalani ujian biopsi. Seperti yang saya katakan tadi, ujian biopsi ini sangat penting dalam proses rawatan anda.

7) ADAKAH SIKAP SESEORANG AKAN MEMBERI KESAN UNTUK MENGUBATI KANSER

Hingga hari ini, masih tidak ada lagi sebuah kajian yang dapat membuktikan sama ada sikap seseorang itu mempunyai impak terhadap penyakit kanser yang mereka alami. Tidak salah jika pesakit kanser ingin menangis atau rasa sedih kerana penyakit yang mereka alami lebih lebih lagi dengan kanser. Namun, individu yang mempunyai pemikiran yang positif selalunya akan kekal bersosial dan sentiasa aktif berbanding individu yang tenggelam dengan rasa sedih dan kecewa setelah menerima diagnosis kanser. Bersikap positif memang dapat memberi kesan dan membantu dari segi psikologi untuk merintangi segala jenis penyakit.

8) BOLEHKAH PENGGUNAN TALIPON BIMBIT MENYEBABKAN KANSER

Tidak! Ini adalah tanggapan yang salah. Seperti yang saya telah huraikan, kanser adalah di sebabkan oleh mutasi gene. Radiasi dari talipon bimbit adalah berfrekuensi rendah dan terlampau sedikit untuk merosakkan gene kita dan mengakibatkan mu-



tase.

9) ADAKAH PRODUK HERBA DAPAT MENGUBATI KANSER?

Sesetengah kajian ada menunjukkan kebaikan herba mengurangkan kesan sampingan dari rawatan kanser TETAPI ia tidak sama sekali dapat mengubati kanser. Ini anda perlu fahami. Walaupun banyak kebaikan yang telah di wawarkan tentang rawatan herba, pengambilan herba ini boleh memberi kesan buruk jika ia digunakan semasa rawatan kemoterapi atau radioterapi. Oleh itu anda perlu berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil makanan herba ini.

Banyak lagi tanggapan dan mitos yang ada di masyarakat kita. Tetapi saya memang menggalakkan anda supaya berbincang dengan doktor anda sebelum membuat sebarang rumusan. Kesihatan anda adalah hak anda , oleh itu dapatlah informasi kesihatan yang betul dari orang yang bertauliah.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut tentang ujian saringan kanser atau ingin mengetahui tentang apa-apa perihal kanser, anda boleh berhubung dengan **Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131**



Rumah Tradisional Melayu Melaka Warisan unik zaman berzaman

Fiqah Jamal

RUMAH Tradisional Melayu merupakan antara senibina terawal yang didirikan di Gugusan Kepulauan Nusantara (Malay Archipelago).

Ia telah melalui proses transformasi sejak ribuan tahun yang lalu. Kesenian pertukangannya disampaikan secara turun temurun dari generasi ke generasi.

Menurut buku Warisan Seni Bina Dunia Melayu Rumah-rumah tradisional yang ditulis Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin pada tahun 2004, dinyatakan pembangunan dan ketamadunan sesebuah negara harus berpaksi kepada warisan silam. Ini bagi menjamin kesinambungan kehidupan agar nilai budaya dan keseimbangan alam persekitaran dapat diwariskan dari generasi ke generasi.

SENI PEMBINAAN

Struktur senibina rumah-rumah tradisional yang terdapat di Melaka pada asasnya tidak menggunakan paku, hanya menggunakan pasak, dinding rumah diperbuat



TANGGA rumah Melayu Melaka yang dihiasi dengan susunan corak jubin yang unik. Foto Kredit iproperty.com

dari kayu dan papan serta beratapkan nipah.

Secara asasnya rumah Melayu didirikan dengan menaikkan struktur tiang utama yang dipanggil 'Tiang Seri' terlebih dahulu diikuti pemasangan rasuk bagi mengikat kedudukan tiang seri kepada tiang-tiang sokongan lain.

Selepas pemasangan tiang, proses perletakan lantai sementara diikuti pemasangan komponen bumbung dengan atap dan tebar layar diikuti kayu lantai dipasang serta kayu dinding, jendela dan pintu.

Secara umumnya, rumah tradisional Melayu Melaka ini dapat

dikenalpasti melalui keunikan tangga batunya yang bertingkat dan dihiasi jubin bercorak.

TANGGA RUMAH LAMBANG STATUS

Namun ciri paling ketara pada rumah tradisional warisan Melaka ini adalah pada tangganya yang dipraktik daripada simen beserta hiasan jubin yang biasanya dibina dalam bilangan tiga, lima, tujuh atau sembilan anak tangga serta jubin yang dipilih biasanya bercorak tumbuhan, bunga, burung atau geometri.

Pada zaman dahulu, untuk mengenal status kedudukan seseorang adalah melalui tangga batu yang terdapat di rumah tradisional itu, bagi rumah yang memiliki tangga batu yang luas dan jubin pelbagai corak kebiasaan pemilik tersebut merupakan orang kaya.

BUMBUNG TEBAR LAYAR

Rumah warisan Melaka ini jika dilihat dari sudut luaran rumah, pada zaman dahulu asalnya rumah tersebut mempunyai bumbung yang diperbuat daripada atap nipah.

Namun kini mengikut peredaran zaman ianya telah ditukar kepada bumbung zink atau genting.

Secara kebiasaan, bahagian bumbung rumah ini berbentuk memanjang dan bertingkat dan senibina itu dinamakan bumbung tebar layar. Difahamkan pembuatan bumbung bertingkat itu dibuat bagi proses pengudaraan berlaku dengan sempurna.

Rumah tradisional itu juga terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu Serambi, rumah ibu, selang, dapur, pelantar dan loteng.

SERAMBI

Serambi atau beranda kebiasaan adalah bahagian ruang lapang sebelum memasuki dalam rumah dan biasanya serambi ini menjadi tempat untuk pemilik rumah atau tetamu duduk bersempang dan berehat.


Pembinaan ini diterjemah melalui sosio budaya masyarakat melayu yang meletakkan serambi di bahagian hadapan sekali membawa maksud mengutamakan tetamu dan dalam masa yang sama menjaga privasi ahli keluarga mengikut hukum agama Islam.



Setulus Ikhlas Daripada,

YB DATUK WIRA AR. HAJI ISMAIL BIN OTHMAN

EXCO Perpaduan Hubungan Masyarakat,
Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna
Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Linggi



Terkesan akibat COVID-19 60 petani dibantu



SEBAHAGIAN daripada 60 petani menerima sumbangan bahan makanan daripada Nor Azman (tiga dari kiri) di sawah Kampung Paya Rumput, Tanjung Kling, baru-baru ini.

Din Ahmad

PANTAI KUNDOR - Se-ramai 60 petani di empat kampung di sini, menerima sumbangan makanan disalurkan JAPERUN Pantai Kundor.

Sumbangan seperti beras, tepung gandum, gula, minyak masak, sardin, kopi dan beberapa bahan makanan lain itu sedikit sebanyak dapat meringankan beban perbelanjaan harian keluarga mereka yang terkesan pandemik COVID-19.

Bantuan untuk petani di Kampung Paya Rumput, Paya Rumput Hilir dan Paya Luboh, Tanjung Kling itu disampaikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Datuk Nor Azman Hassan.

Petani, Mohamad Abdul Rahman, 59, berkata, dia bersyukur kerana walaupun sekatan pergerakan penuh PKP 3.0 dilaksanakan, mereka masih dibe-

narkan turun ke sawah dan kebun.

"Alhamdulillah, sepanjang PKP 3.0 kami masih dibenarkan mengusaha tanah masing-masing berbeza dengan keadaan ketika PKP 1.0 tahun lalu."

"Ramai petani yang terkesan dengan PKP 3.0 sekarang kerana tidak dapat menjual hasil tani di luar daerah, apakah lagi ke negeri lain," katanya.

Sementara itu Nor Azman berkata, JAPERUN Pantai Kundor menghulurkan sumbangan berkenaan melalui kerjasama Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung yang lebih arif mengenai anggota komuniti yang memerlukannya.

"Sesiapa yang terlepas pandang boleh mengemukakan permohonan secara terus kepada JAPERUN dan akan dibantu secepat mungkin," katanya.

Mohon i-Citra, langsai lapan bulan tunggakan sewa

AYER KEROH - "Alhamdulillah, saya dah mohon pengeluaran KWSP i-Citra untuk melangsangkan sewa rumah yang tertunggak selama lapan bulan".

Itu luahan ibu enam anak, Nurul Asikin Ismail, 43, yang mengharapkan permohonan pengeluaran simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melalui i-Citra yang mula dibuka 12 Julai lalu diluluskan demi menampung kehidupan.

"Selain melangsangkan lapan bulan tunggakan sewa rumah berjumlah RM3,500, bakinya dapatlah tanggung serba sedikit untuk bayar bayar bil utiliti dan beli barang keperluan asas."

"Sebelum ini pun saya pernah memohon i-Sinar tetapi ia digunakan untuk membeli barang keperluan pembelajaran anak-anak," katanya gembira.

Seorang lagi pencarum KWSP, Muhammad Zulfahmy Lukman, 31, turut bersyukur selepas kerajaan membenarkan pencarum untuk membuat pengeluaran simpanan menerusi i-Citra.

"Dalam waktu pandemik COVID-19 ni memang saya memerlukan wang untuk teruskan kehidupan, jika dapat keluarkan, separuh daripada duit itu saya akan simpan dahulu."

"Selebihnya saya akan gunakan untuk bayar hutang yang tertunggak. Dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil ini semua rakyat memang terjejas pendapatan," katanya.

Manakala Mohamad Syahrul Nizam Mohd Amam, 22, turut berkongsi pandangan sama untuk menggunakan wang itu bagi keperluan harian berbanding kemauhan.

"Saya harap wang ini dapat membantu ibu dan bapa dahulu, kalau ada lebihan barulah saya simpan untuk keperluan di masa depan."



NURUL ASIKIN



PERODUA
Building Cars People First®

PERODUA SALES SDN BHD

(CAWANGAN UTAMA MELAKA)

3S SALES • SERVICE • SPARE PART



WE ACCEPT
TRADE-IN
FROM ANY BRANDS

0%
SST EXTENDED





NORASLINDA
Sales Advisor
017-665 6836



LOH
Sales Advisor
017-662 6822



HAZWAN
Sales Advisor
017-310 8798



FAIZ
Sales Advisor
013-704 1318



AZRUL
Sales Advisor
011-3921 6515



HAFIZ
Sales Advisor
016-266 0544



AMIRAH
Sales Advisor
019-744 5646

ALZA
PRICE FROM
RM49,944

MYVI
PRICE FROM
RM41,292

ARUZ
PRICE FROM
RM68,526

ATIVA
PRICE FROM
RM61,500

BEZZA
PRICE FROM
RM33,456

AXIA
PRICE FROM
RM23,367



**DON'T WAIT UNTIL YEAR END!
BOOK NOW WHILE TAX
HOLIDAY CONTINUES**

250 kediaman terima bakul makanan

Faiz Hasan

AYER KEROH – Sebanyak 250 bakul makanan diagihkan buat penduduk Taman Bukit

Katil Damai, baru-baru ini. Sumbangan kepada 250 penerima terpilih itu diagihkan surau berkenaan, Abu Hassan Abdullah berkata, agihan barang makanan dilaksanakan itu sebagai tanda keprihatinan

Pengerusi Jawatankuasa Surau berkenaan, Abu Hassan Abdullah berkata, agihan barang makanan dilaksanakan itu sebagai tanda keprihatinan

terhadap penduduk yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Menurutnya, barang makanan itu hasil sumbangan

awam dan orang perseorangan yang berkongsi rasa tanggungjawab sebagai sebuah komuniti dalam taman perumahan terbabit.

"Menerusi agihan ini anggota komuniti yang terkesan akan mengetahui sebenarnya ada pihak yang boleh dirujuk apabila berlaku sebarang masalah."

"Program siri kedua diajukan selepas kali pertama pada awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu adalah satu tanggungjawab sosial masyarakat yang perlu dilakukan oleh pihak jawatankuasa."

"Dalam keadaan seperti ini (pandemik) wajar pihak yang mempunyai kelebihan tampil menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Program diadakan pada jam 10 pagi tadi dibantu oleh pihak JAPERUN Ayer Keroh serta penduduk taman perumahan terbabit bagi mengagihkan bakul makanan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Hadir sama, Pengerusi Penyelaras JAPERUN Ayer Keroh, Ariff Yusa dan Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Bukit Katil Damai, Norazle Sulaiman.



SHARIPAH Aini tidak mengurangkan jenis lauk-pauk yang disediakan di warungnya di Kampung Paya Lebar, Lubok Cina Masjid Tanah sepanjang penutupan penuh atau 'total lockdown' mulai 1 Jun lepas.

'Barang dah sampai Melaka tapi tak sampai rumah'



KHAIRUNNISA

AYER KEROH – Lagi luahan pengguna berhubung isu kelewatan perkhidmatan penghantaran barang dikendalikan sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di negeri ini.

Ibu bapa dikatakan berlarutan seolah-olah tiada tindakan diambil, malah syarikat juga didakwa tidak memberi sebarang maklum balas apabila ditanya pelanggan.

Tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) di Facebook mendapati ramai pengguna menyatakan kecewa dengan mutu perkhidmatan syarikat terbabit.

Ada kalangan mereka menubuhkan beberapa kumpulan yang disertai ribuan pengguna semata-mata meluahkan permasalahan dan mengcam perkhidmatan tidak setanding nama syarikat itu.

Selain itu, ada pengguna mendakwa barang yang diposnya dicuri



NUR FARAH

atau gagal dikesan selepas berbulan menanti.

Seorang pengguna, Khairunnisa Lokman, 37, berkata, dia kecewa perkhidmatan itu gagal dihubungi setiap hari biarpun barang yang dikirim untuknya sudah tiba di negeri ini, namun tidak sampai ke rumah.

"Apabila saya periksa 'online' barang dah sampai Melaka tapi ambil masa lima hari nak sampai rumah."

"Setiap kali saya hubungi talian mereka, 'robot' yang cakap dan akhirnya tiada jalan penyelesaian selama berhari-hari."

"Saya risau sebab barang dipos itu adalah makanan dan mungkin akan rosak apabila disimpan terlalu lama," katanya kepada MHI.

Nur Farah Huda Sahiran, 27, pula mendakwa masalah hanya dihadapi di

pejabat pengumpulan syarikat itu di negeri ini.

"Penjual telah mengepos barang saya pada 19 Jun lalu, namun empat hari baru ia tiba ke rumah saya."

"Saya turut meminta penjual pos 'fast delivery' jadi tidak sepatutnya ia tiba lewat ke rumah saya," katanya.

Seorang lagi pengguna, Putri Saleha Salihat, 28 berkata, disebabkan sering berdepan masalah sama sebelum ini dia sanggup membayar caj tambahan demi menggunakan perkhidmatan syarikat lain.

"Kecewa dengan tindakan syarikat itu yang lewat dan gagal dihubungi saya tukar guna perkhidmatan syarikat penghantar lain."

"Saya berharap tindakan diambil berikutnya ramai pengguna khususnya di Melaka berdepan masalah sama," katanya.

// Saya berharap tindakan diambil berikutnya ramai pengguna khususnya di Melaka berdepan masalah sama //

Peniaga burger edar 150 ekor ayam

Fiqqa Jamal

BUKIT BERUANG – Prihatin dengan nasib mereka yang terkesan pandemik COVID-19, seorang peniaga burger mengedarkan 150 ekor ayam percuma kepada mereka yang memerlukan.

Irwanizam Ibrahim, 40, berkata, pemberian tersebut merupakan inisiatifnya sendiri bersama keluarga dan bantuan rakan-rakan yang ingin berkongsi rezeki pada golongan terjejas.

Dia yang turut mengusahakan syarikat pengiklanan dan pembinaan berkata, walaupun dirinya sendiri terputus pendapatan, dia bersyukur kerana masih mampu 'bernafas'.

"Bantuan ini mungkin tidaklah seberapa namun saya percaya, ia amat berharga bagi mereka yang benar-benar memerlukan."

"Niat saya hanya nak kongsi rezeki sebab saya pernah merasa susah dan InsyaAllah, minggu depan kami akan kongsi rezeki dengan 'rider' penghantar makanan pula," katanya ketika ditemui MHI di sini baru-baru ini.


Sementara itu, seorang warga emas, Zainab Daud, 61, berkata pemberian tersebut amat dihargai dalam keadaan semakin ramai yang susah.

"Alhamdulillah, niat asal saya cuma hendak beli burger sahaja, tak sangka pula dapat ayam percuma," katanya.

Bagi Mohd Rizal Abdul Ghani, 43, inisiatif itu amat baik untuk diteruskan bagi meringankan beban golongan yang tidak dapat bekerja atau langsung tiada pendapatan.



IRWANIZAM



سَلَامَتْ هَارِي رَأَيْ عِيدَ الْفِطْرَةِ

*Selamat
Hari
Raya*

عيد الفطر

20 JULAI 2021 BERSAMAAN 10 ZULHIJJAH 1442 HIJRAH

Setulus Ikhlas Daripada,



**Datuk Bandar, Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha,
Ketua-Ketua Jabatan Serta Seluruh Warga Kerja
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka**



Abang 'burger' kongsi rezeki 22

Sukan

MELAKA HARI INI

LIGA SUPER MALAYSIA 2021
Jadual perlawanan Melaka United FC
PERLAWANAN ke - 14
MELAKA UNITED FC vs SRI PAHANG FC
STADIUM DARUL MAKHMUR, KUANTAN
AHAD, 25 JULAI 2021
9.00 Malam
www.melakahariini.my | Melaka Hari Ini | Melaka TV
Grafis : Melaka Hari Ini | Sumber : melakaunderline.com



Azam Gary Steven 'selamatkan' MUFC

PEMAIN tengah MUFC, Gary Steven Robbat mahu membantu mengembalikan pasukannya yang kini berada di zon penyingkiran Liga Super, ke kedudukan yang lebih baik selepas saingan kembali berlangsung 24 Julai ini.

Gary yang dipinjam dari Johor Darul Ta'zim II (JDT II) pada pertengahan musim ini, berazam mahu memberi impak besar sekiranya berpeluang diturunkan, dengan melaksanakan misi penting memastikan MUFC kekal dalam Liga Super musim depan seterusnya membuktikan kehadirannya ke dalam skuad itu adalah berbaloi.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan aksi pertama menentang Sri Pahang FC pada 25 Julai ini cukup penting sebagai penanda aras agar terus diberi kepercayaan bagi perlawanan akan datang.

"Pertama sekali, saya kena pastikan saya dapat kepercayaan yang tinggi daripada jurulatih bahawa saya mampu untuk memberikan sesuatu kepada pasukan."

"Memang minit permainan yang saya cari, tetapi saya nak bina dahulu tahap keyakinan bersama pasukan di sini untuk saya beri komitmen yang tinggi. Dalam perlawanan itu nanti saya akan dapat tunjukkan sejauh mana komitmen saya kepada MUFC," katanya dalam kenyataan dikeluarkan Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) baru-baru ini.

Sementara itu, Gary menyifatkan persaingan antara rakan sepasukannya di Melaka United FC dan JDT II tetap sama, semua pemain tidak kira pasukan mana sekalipun sentiasa memberi komitmen yang tinggi untuk membantu pasukan.

Selepas 13 perlawanan Liga Super, MUFC yang mengumpul 11 mata kini berada di tangga ke-11 dan hanya berjaya mendapatkan tiga kemenangan sahaja setakat ini. - BERNAMA

Gomez, Adriano sedia 'sengat' Tok Gajah

Mohamad Fazrul Abdul Majid

DUA tonggak penyerang import baharu Kelab Bola Sepak Melaka United (MUFC), Giovane Gomes da Silva dan Adriano Aparecido Narciso dipercayai mampu menjadi senjata ampuh untuk membenam cabaran Sri Pahang FC di Stadium Darul Makmur, 25 Julai ini.

Ketua Jurulatihnya Zainal Abidin Hassan berkata, walaupun baru dua bulan menyertai skuad Hang Tuah, namun kedua-dua pemain itu telah menunjukkan kualiti yang diperlukan di barisan serangan.

Jelasnya, kesefahaman antara mereka dengan pemain-pemain lain juga menunjukkan tanda-tanda positif, sekali gus diyakini mampu mengubah wajah MUFC bagi mengharungi baki saingan Liga Super musim 2021.

"Bagi saya, Adriano dan Gomez sememangnya telah memberi sengat kepada MUFC dan saya yakin mereka menambah kekuatan bagi menghadapi perlawanan akan datang ini."

"Walaupun dengan tempoh masa yang singkat, mereka dapat menyatakan persefahaman dengan pemain-pemain lain dan kini tampak semakin serasi."

"Saya berharap apa yang mereka tunjukkan dalam sesi latihan dapat diterjemahkan dalam aksi di atas padang nanti," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Mengulas mengenai kem latihan berpusat (camp-based training) 2.0 yang sedang berjalan ketika ini, Zainal memaklumkan, masa yang ada sebelum liga kembali disambung akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk memperbaiki segala kelemahan yang telah dikenal pasti.

Selain itu, tempoh masa lebih seminggu itu juga akan digunakan untuk mencipta keserasian antara pemain bagi membolehkan MUFC mendapatkan keputusan lebih baik dalam baki perlawanan musim ini.

"Dalam masa-masa terakhir inilah akan kita gunakan untuk memperbaiki kelemahan, selain menyatu serta mempersiapkan pasukan sebelum turun menentang Sri Pahang FC di tempat lawan pada 25 Julai nanti, Insya-Allah," katanya lagi.



ZAINAL
(Foto
MR AZLI)